



● BIL 315 ● 30 MEI - 5 JUN 2025 ● PP19441/12/2018 (035014)

WILAYAHKU

www.wilayahku.com.my



Kesepakatan, maju bersama ASEAN ➤ 2-3

Menakluk dunia
dengan buku
➤ 8

Kesan 'kecanduan
digital'
➤ 15

Ketika Malaysia di puncak,
Rafizi berundur
➤ 17

Peranan Malaysia selaku Pengerusi tepat pada masanya

KENDALI COC SECARA SERIUS

LAPORAN: AZLAN ZAMBRY, AINI MAWAWI DAN SERIMAH SALLEHUDDIN

RUNDINGAN Kod Tatalaku (COC) Laut China Selatan antara ASEAN dan China perlu dikendalikan secara serius kerana ia masih belum dapat dilaksanakan biarpun sudah memakan masa lama. Demikian ditegaskan Pensyarah Undang-Undang Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), **Profesor Madya Dr Mohd Hazmi Mohd Rusli** mengenai isu pertikaian persempadanan di kawasan maritim berkenaan yang sememangnya menjadi antara topik dibincangkan pada Sidang Kemuncak ASEAN ke-46.

Malah menurutnya Malaysia boleh menggunakan pengaruhnya selaku Pengerusi ASEAN untuk menekan semua pihak agar mempercepat proses berkenaan.

"Tapi ia perlu dibuat secara halus agar China tidak terasa mereka seperti diserang. Diplomasi cara Malaysia memang sesuai, tenang tetapi tegas. Jika berjaya, Malaysia bukan saja berjaya menyatukan

ASEAN tetapi menunjukkan kita pemimpin serantau yang boleh dipercayai," katanya kepada Wilayahku.

Mohd Hazmi menambah sebagai Pengerusi ASEAN dan negara yang terlibat dalam tuntutan kawasan maritim berkenaan, Malaysia harus pandai memainkan peranannya sebagai pengantara dengan cara diplomasi.

Katanya harapan untuk menguruskan isu itu secara baik memang ada tetapi agak tipis berikutan China merupakan kuasa besar.

"China sebuah negara yang kuat dan setiap negara ASEAN pasti ada kepentingan masing-masing. Ada yang berani bersuara dan sebaliknya, jadi agak susah untuk mendapatkan kesepakatan

semua. Sekiranya ASEAN boleh bersatu membawa suara yang sama, mungkin itu boleh memberi sedikit tekanan kepada China. Tapi setakat ini hala tuju ke arah itu masih samar.

"Kita hanya boleh tunggu dan lihat bagaimana Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN menangani isu itu. Walau bagaimanapun kita tetap berharap ada sedikit perkembangan berbanding tahun-tahun sebelumnya," katanya.

Beliau menambah Malaysia perlu menunjukkan sikap yang neutral dan berhati-hati serta tidak terlalu lantang seperti Filipina memandangkan kita tidak terlalu rapat dengan China seperti Kemboja.

Namun katanya Malaysia masih

boleh menjadi jambatan antara dua sisi itu.

Selaku tuan rumah Sidang Kemuncak ASEAN juga katanya Malaysia perlu mengumpulkan pendirian kolektif antara kesemua negara anggota bagi mengelakkan percanggahan pendirian.

"Malaysia perlu memainkan peranan sebagai pengerusi dengan membawa semua negara ASEAN yang terlibat (Vietnam, Filipina, Brunei, Indonesia) duduk semeja dan berbincang secara baik seterusnya kemukakan kenyataan yang tegas," jelasnya.

Menurut Mohd Hazim, peranan Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN juga tepat pada masanya kerana negara ini dikenali tidak sukakan konfrontasi dan perbalahan tetapi dikenali dengan ketegasan.

Antara inisiatif boleh dilakukan seperti menganjurkan forum atau bingkai dengan mengundang pakar undang-undang, tentera atau ahli akademik bagi membincangkan

punca isu persempadanan itu masih belum berjaya diselesaikan.

Ditanya kelayakan China menuntut Laut China Selatan, katanya menurut Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Undang-Undang Laut (UNCLOS), China tidak layak mengaku 90 peratus kawasan maritim itu adalah hak milik mereka.

Tetapi sebagai negara berkuasa besar, China merasakan mereka berhak untuk bertindak sesuka hati.

"Berdasarkan kepada UNCLOS memang tidak layak. Tapi itulah kuasa besar sama juga seperti Amerika Syarikat yang menyokong Israel, walaupun menjajah tanah Palestin dan bertentangan dengan Piagam Pertubuhan Bangsa Bangsa (PBB) tetapi mereka adalah kuasa besar, sama dengan China.

"Kedudukan kita ibarat menarik rambut dalam tepung, rambut jangan putus, tepung tidak berselerak. Kedaulatan jangan sampai tergadai," katanya. 17



MOHD HAZMI

Mata wang ASEAN belum realistik

HASRAT untuk mewujudkan mata wang tunggal ASEAN hanya dapat direalisasikan apabila rantau ini mencapai tahap keseragaman dasar monetari dan fiskal yang tinggi, satu keadaan yang masih jauh dari realiti semasa, menurut pakar ekonomi.

Pensyarah Kanan Fakulti Perniagaan dan Ekonomi Universiti Malaya (UM), **Dr Mohd Zaidi Md Zabri**, berkata walaupun idea mata wang tunggal mampu menawarkan pelbagai manfaat ekonomi kepada rantau ini, realiti semasa menunjukkan ASEAN masih berdepan pelbagai jurang ketara dari segi struktur ekonomi, keupayaan fiskal dan autonomi dasar kewangan.

"Negara-negara ASEAN berada pada tahap pembangunan yang sangat berbeza dari Singapura yang sangat maju hingga ke Laos dan Myanmar yang masih dalam fasa membangun.

"Ini menyukarkan penyelarasan dasar monetari dan fiskal, yang merupakan syarat utama ke arah kesatuan mata wang," jelas beliau kepada Wilayahku pada Selasa.

Beliau yang juga Fellow Kanan di Institut Kewangan dan Ekonomi Islam (INCEIF) mengakui bahawa secara teorinya, mata wang tunggal ASEAN boleh menawarkan kelebihan besar seperti

mengurangkan kos transaksi rentas sempadan.

"Ia juga dapat menstabilkan kadar pertukaran dan memperkukuh kuasa rundingan ekonomi serantau," katanya.

Namun begitu, Mohd Zaidi menegaskan bahawa semua manfaat ini hanya dapat dinikmati sekiranya ASEAN memiliki satu kerangka kewangan dan fiskal yang benar-benar selaras, sesuatu yang belum dicapai dalam masa terdekat.

Tambah beliau, keangguhan negara anggota untuk melepaskan kawalan dasar monetari masing-masing kepada satu badan pusat seperti yang dilakukan oleh Kesatuan Eropah melalui Bank Pusat Eropah (ECB) juga menjadi penghalang

utama.

"Kedaulatan dasar adalah isu sensitif. Kita tidak boleh menyamakan struktur ASEAN dengan EU yang jauh lebih integratif dari segi institusi dan perundangan," katanya.

Dalam konteks semasa, beliau menegaskan bahawa pendekatan yang lebih realistik dan bermanfaat ialah dengan memperluaskan penggunaan Rangka Kerja Urus Niaga Mata Wang Tempatan (LCT) yang dipersetujui dalam Sidang

Kemuncak ASEAN ke-42 di Labuan Bajo, Indonesia.

"Ia dapat membangunkan integrasi sistem pembayaran digital antara negara, termasuk kod QR rentas sempadan.

"Selain itu, ia turut dapat meningkatkan transaksi dagangan dua hala menggunakan mata wang tempatan masing-masing," katanya.

Ujar beliau, langkah-langkah berkenaan lebih pragmatik dan menunjukkan komitmen ASEAN terhadap integrasi kewangan tanpa mengorbankan kedaulatan ekonomi negara anggota.

Mohd Zaidi menyatakan bahawa cita-cita untuk membentuk mata wang tunggal ASEAN wajar disimpan sebagai visi jangka panjang yang aspiratif. Namun, buat masa ini, keutamaan perlu diberi kepada pembangunan asas yang kukuh.

"ASEAN perlu memperkukuh integrasi fiskal, menyelaraskan dasar monetari dan membina kepercayaan institusi serantau terlebih dahulu. Mata wang tunggal mungkin akan jadi realiti suatu hari nanti, tetapi hari ini kita perlu membina laluan itu langkah demi langkah," katanya.

Tambah beliau, dengan pendekatan berfasa dan strategi kewangan serantau yang berhemah, cita-cita mata wang tunggal tidak mustahil dicapai namun perlu berpijak pada realiti dan disandarkan kepada pencapaian praktikal yang berterusan. 17



MOHD ZAIDI

Perlu perkuat kerjasama ekonomi

USAHA mewujudkan mata wang tunggal ASEAN perlu ditangguhkan dan sebaliknya tumpuan harus diberikan terlebih dahulu kepada pengukuhan kerjasama ekonomi serantau yang lebih praktikal dan realistik.

Demikian pandangan tegas daripada Pensyarah Kanan dan Ketua Program PhD di Institut Perbankan dan Kewangan Islam (IIBF), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), **Dr Syed Marwan Mujahid Syed Azman**.

Beliau menjelaskan bahawa mata wang tunggal hanya boleh direalisasikan sekiranya ASEAN terlebih dahulu memperkukuh struktur asas seperti institusi kewangan serantau, sistem pembayaran bersama dan penyelarasan dasar fiskal yang menyeluruh.

"Tanpa elemen-elemen ini, penyatuan monetari hanya akan menimbulkan risiko besar kepada kestabilan ekonomi rantau ini. Langkah yang lebih rasional ketika ini adalah meningkatkan perdagangan intra-ASEAN melalui pengurangan tarif dan halangan bukan tarif.

"ASEAN juga boleh menggalakkan penggunaan mata wang tempatan dalam urusan niaga rentas sempadan bagi

mengurangkan kebergantungan kepada dolar Amerika Syarikat," katanya kepada Wilayahku.

Syed Marwan menegaskan bahawa pelaksanaan mata wang bersama tanpa asas yang kukuh hanya akan memperbesar ketidaksamaan antara negara anggota, khususnya apabila wujud jurang besar dari segi tahap pembangunan ekonomi, kestabilan politik dan kekuatan institusi antara negara seperti Singapura dan Myanmar.

Beliau turut menyentuh isu kedaulatan monetari sebagai halangan besar ke arah penyatuan mata wang.

"Negara anggota pasti berdepan dilema untuk menyerahkan kawalan dasar monetari mereka kepada institusi serantau, lebih-lebih lagi apabila masih tiada satu institusi kewangan ASEAN yang benar-benar berkuasa dan berkesan," katanya.

Merujuk kepada krisis eurozone 2009, beliau menjelaskan bahawa kesukaran mencapai konsensus politik dalam kalangan negara Kesatuan Eropah (EU) semasa krisis itu telah memburukkan keadaan malah perkara yang sama menurutnya boleh berlaku di ASEAN sekiranya penyatuan monetari dilaksanakan tanpa persiapan rapi. 17



SYED MARWAN

Komited pimpin Komuniti 2045

KETIKA negara-negara Asia Tenggara bergerak menuju pencapaian matlamat Visi Komuniti ASEAN 2045, Malaysia perlu bangkit sebagai peneraju dalam membina identiti serantau yang inklusif, progresif dan berteraskan nilai kemanusiaan sejagat.

Ahli Parlimen Shah Alam, **Azli Yusof** berkata sebagai sebuah negara berbilang kaum, budaya dan agama, Malaysia memiliki tanggungjawab besar untuk menunjukkan kepimpinan moral serta politik dalam menjayakan visi ini, terutama dalam aspek perpaduan sosial, pengiktirafan warisan budaya dan keharmonian serantau.

"Visi Komuniti ASEAN 2045 bukan sekadar satu dokumen dasar. Ia perlu diterjemahkan kepada realiti kehidupan rakyat, dengan penekanan terhadap pendekatan yang inklusif, saling menghormati dan menjunjung tinggi nilai budaya serta kemanusiaan," katanya kepada Wilayahku.

Visi Komuniti ASEAN 2045 merupakan kesinambungan kepada

blueprint Komuniti ASEAN 2025 yang kini hampir ke penghujungnya. Ia bertujuan membina satu rantau yang mampan, berdaya tahan, berinovasi dan bersatu padu dalam kepelbagaian menjelang ulang tahun ke-100 penubuhan ASEAN.

Azli berkata Malaysia perlu menggunakan kedudukan uniknya untuk memperkukuh kerjasama serantau bukan sahaja dari aspek ekonomi dan keselamatan, tetapi juga dalam memperteguh jati diri dan hubungan sosial antara negara-negara anggota ASEAN.

Beliau menegaskan dengan pengalaman mengurus kemajmukan etnik dan agama secara damai, Malaysia harus menjadi model dalam membina perpaduan sosial dan kestabilan yang mampan di peringkat ASEAN.

"Dasar inklusif yang diamalkan

di Malaysia perlu diperluas dalam bentuk kerjasama serantau. Pendidikan, kempen kesedaran dan penglibatan masyarakat akar umbi penting dalam menyemai semangat

ASEAN yang bersatu dalam kepelbagaian," katanya.

Beliau menambah bahawa ASEAN tidak boleh hanya berorientasikan pembangunan ekonomi semata-mata, sebaliknya harus memperkukuh nilai sosial, budaya dan integrasi rakyat untuk menghadapi cabaran masa depan secara

bersama.

Mengulas ketegangan berulang berkaitan isu warisan budaya antara Malaysia dan Indonesia, Azli menyeru penyelesaian berasaskan dialog berterusan dan persefahaman bersama.

"Pertikaian budaya seperti ini boleh merencatkan usaha membina identiti ASEAN yang kukuh. Kita

perlu mengukuhkan kerjasama budaya seperti pertukaran seni, festival serantau dan pendidikan silang budaya agar rakyat kedua-dua negara dapat saling menghargai," katanya.

Azli turut menggesa penyelarasan dasar sosial dan kebudayaan ASEAN dilakukan secara berstruktur untuk mengelakkan konflik budaya berulang serta menekankan bahawa penyelarasan ini perlu menghormati identiti unik setiap negara anggota.

Bagi memastikan rakyat memahami dan menghayati Visi Komuniti ASEAN 2045, Azli mencadangkan agar Parlimen Malaysia menjadi pusat penggerak kesedaran awam melalui pelbagai pendekatan pendidikan dan komunikasi massa.

"Program pendidikan di sekolah, forum awam serta platform media sosial perlu digerakkan secara menyeluruh untuk memastikan nilai ASEAN dapat diserap dalam minda rakyat, khususnya golongan muda," katanya.

Azli menekankan pentingnya penglibatan belia dalam program ASEAN bagi menjamin kesinambungan kepimpinan dan aspirasi serantau.

Dalam konteks naratif serantau, beliau menyatakan keyakinannya bahawa Malaysia adalah calon terbaik untuk memimpin usaha pembinaan naratif ASEAN yang menghargai kepelbagaian tanpa mengorbankan identiti nasional.

Bagi menjamin ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan Visi Komuniti ASEAN 2045, beliau mencadangkan supaya Parlimen Malaysia menubuhkan satu mekanisme pemantauan berkala yang menilai kemajuan dasar ASEAN, khususnya dalam aspek sosial dan masyarakat.

"Laporan tahunan yang dibentangkan di Parlimen akan memastikan dasar ASEAN dinilai secara objektif. Mekanisme ini mesti melibatkan kementerian berkaitan, NGO serta institusi akademik bagi memastikan penilaian menyeluruh dan tidak berat sebelah," katanya.



AZLI YUSOF

Potensi lebih besar jika digerak secara kolektif

DESTINASI STRATEGIK PELABURAN

SIDANG Kemuncak ASEAN-GCC yang berlangsung pada 26 dan 27 Mei menjadi pentas penting untuk menilai semula kedudukan ASEAN sebagai destinasi strategik pelaburan asing.

Pensyarah Ekonomi, Fakulti Perniagaan dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), **Dr Sheikh Ahmad Faiz Sheikh Ahmad Tajuddin** berkata ASEAN kekal menjadi destinasi strategik bagi pelaburan asing, disokong oleh kestabilan politik, integrasi ekonomi serantau dan dasar pelaburan yang mesra pasaran.

"Dengan jumlah aliran pelaburan langsung asing mencecah AS\$230 bilion pada 2023, ASEAN terus menunjukkan daya tarikan sebagai blok ekonomi yang stabil, terbuka dan berpotensi tinggi.

"Faktor seperti pertumbuhan penduduk, peningkatan kelas pertengahan dan usaha bersepadu dalam integrasi ekonomi menjadikan ASEAN kekal relevan dalam landskap pelaburan global, terutamanya kepada rakan strategik seperti negara Teluk yang kini aktif mempelbagaikan pelaburan luar mereka," jelas beliau.

Tambahnya sebagai tuan rumah, ini merupakan peluang penting untuk menonjolkan komitmen negara dalam memacu pelaburan berkualiti tinggi.

"Kekuatan dan kedudukan

Malaysia yang strategik sebagai pintu masuk kepada pelaburan dari Asia Barat ke ASEAN, menerusi kekuatan dalam sektor halal, logistik serantau dan kestabilan politik yang relatif terjamin akan terus menarik masuk pelaburan asing ke Malaysia secara khususnya dan menyumbang kepada pencapaian ASEAN secara amnya," katanya.

Menyentuh berkenaan ASEAN kelihatan lebih perlahan dan tidak sekata dalam pembangunan seperti yang diperkatakan, Sheikh

Ahmad berkata tidak dinafikan bahawa negara-negara Asia Barat seperti Arab Saudi, Qatar dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) telah melonjak jauh dalam aspek kemajuan teknologi, infrastruktur dan pelaburan global.

"Mereka agresif dalam merancang transformasi ekonomi pasca

minyak, termasuk pelaburan besar dalam tenaga boleh diperbaharui, kecerdasan buatan (AI) dan bandar pintar seperti NEOM. Perancangan jangka panjang yang konsisten, ditambah dengan keupayaan kewangan yang kukuh, membolehkan rantau itu menjadi pusat pelaburan dan inovasi global.

"Jika dibandingkan, ASEAN kelihatan lebih perlahan dan tidak sekata dalam pembangunan, dengan Singapura sering menjadi satu-satunya contoh yang menonjol dalam menarik pelaburan asing.



SESI Sidang Kemuncak ASEAN ke-46 pada Isnin. Foto: AFIQ HAMBALI / PEJABAT PERDANA MENTERI

Namun begitu, potensi ASEAN jauh lebih besar jika digerakkan secara kolektif.

"Negara-negara seperti Malaysia, Vietnam dan Indonesia mula menunjukkan peningkatan ketara dalam menarik pelaburan bernilai tinggi, khususnya dalam sektor digital, pembuatan berteknologi tinggi dan tenaga hijau. ASEAN juga mempunyai kelebihan dari segi lokasi strategik dan pasaran serantau yang besar.

"Apa yang perlu ditekankan sekarang ialah koordinasi serantau yang lebih mantap, pelaburan dalam modal insan dan dasar yang stabil untuk menjadikan seluruh ASEAN bukan sekadar bergantung kepada Singapura, tetapi muncul sebagai

blok ekonomi yang setanding dengan Asia Barat dalam 10 tahun akan datang," jelas beliau.

Mengulas lanjut, beliau berkata Malaysia perlu mengambil pendekatan jangka panjang yang lebih strategik bagi mengurangkan ketergantungan terhadap ekonomi utama dunia seperti China dan Amerika Syarikat.

"Ketidaktentuan politik dan geopolitik di peringkat global telah terbukti memberi kesan langsung kepada prestasi dagangan negara. Antara persediaan penting ialah memperluas dan mempelbagai pasaran eksport ke rantau-rantau baharu seperti Afrika, Asia Tengah dan Asia Barat, selain memperkukuh rantaian bekalan domestik dan

serantau melalui platform seperti Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP).

"Di samping itu, kestabilan politik dan ketelusan dasar dalam negara adalah asas utama bagi meyakinkan pelabur dan rakan dagang. Malaysia juga perlu memberi tumpuan kepada pengukuhan industri bernilai tinggi, automasi dan digitalisasi bagi meningkatkan daya saing eksport," katanya.

Tambahnya pendekatan ini bukan sahaja mampu mengurangkan keterdedahan kepada krisis luar, malah meletakkan Malaysia pada kedudukan lebih kukuh untuk menyesuaikan diri dengan perubahan landskap ekonomi global yang semakin mencabar.

Kepentingan kerjasama erat pemimpin ASEAN PM PERKUKUH EKONOMI

KETIKA negara-negara luar memuji penganjuran Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 yang berlangsung di Kuala Lumpur, ada juga mulut-mulut jahat yang mempertikaikannya.

Kalau tidak suka pun, realiti yang baik dan bagus haruslah diterima. Itu semua untuk kebaikan negara kita juga.

Bukan itu sahaja, terdapat warganet yang mendakwa kononnya penganjuran ini hanya sia-sia dan tidak memberi sebarang manfaat kepada negara.

Nampaknya yang menuduh itu tidak suka membaca. Buat tuduhan melulu kerana 'panas' melihat kejayaan kerajaan menganjurkan acara besar ini.

Jangan biar diri dikuasai emosi dengki. Sebenarnya banyak manfaat kepada pendek dan panjang.

Misalnya Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini mengadakan pertemuan dengan Putera Mahkota Kuwait, Sheikh Sabah Khaled Al-Hamad Al-Sabah di luar Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46.

Pertemuan selama kira-kira 20 minit itu memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh hubungan dua hala antara Malaysia dan Kuwait, terutamanya dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pertahanan, pendidikan, pelancongan serta pengurusan bencana. Kedua-dua pemimpin turut bertukar pandangan mengenai perkembangan semasa di rantau ini termasuk situasi di Palestin, Syria, Lubnan dan Yaman.



ANWAR ketika pertemuan bersama Sheikh Sabah di luar Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46.

Sebelum itu, Anwar dan Sheikh Sabah Khaled menandatangani majlis pertukaran dokumen Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) antara Malaysia dan Majlis Kerjasama Teluk (GCC).

Bukan itu sahaja, Anwar berkata perdagangan dan pelaburan antara negara ASEAN berpotensi besar untuk diperluas dan dipertingkatkan bagi memperkukuh daya saing rantau ini dalam berdepan cabaran ekonomi global yang semakin kompleks.

Menurut Anwar pada masa ini perdagangan dan pelaburan antara negara ASEAN agak terhad, dengan setakat ini pemimpin ASEAN bersetuju kerjasama antara negara anggota penting bagi memastikan pembangunan boleh direalisasikan dengan pantas.

Malah, kerjasama dengan komuniti perniagaan juga penting bagi menjayakan pembangunan, justeru menjadi prosedur operasi standard bagi semua mesyuarat ASEAN akan ada Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN (ASEAN-BAC) memberi pandangan dan cadangan.

"Tahun ini, kita mengemudi persekitaran global yang kompleks berikutan perubahan dinamik geopolitik. Justeru, kita mesti memperkukuh asas domestik dan antara negara ASEAN," katanya.

Anwar turut menekankan pentingnya kerjasama erat antara pemimpin ASEAN dalam menghadapi cabaran ekonomi global yang semakin kompleks.

Katanya kerjasama yang telah dipupuk sejak sekian lama menjadi asas kepada kestabilan dan

pembangunan serantau.

Beliau turut menyarankan ASEAN-BAC mengemukakan cadangan khusus yang dapat memaksa pembuat dasar menerima cadangan yang dikemukakan.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 bermula 23 Mei lalu dengan mesyuarat peringkat pegawai kanan, diikuti mesyuarat menteri dan kemuncaknya mesyuarat ketua kerajaan.

Malaysia mengambil alih jawatan Pengerusi ASEAN daripada Laos bermula 1 Januari lalu dengan tema 'Keterangkuman dan Kemampanan', mencerminkan aspirasi untuk membentuk ASEAN yang bersatu dan makmur.

Ia kali kelima Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN selepas 1977, 1997, 2005 dan 2015. 

Nurul Izzah, Rafizi tidak bermusuhan

KECOH dalam media sosial apabila ada segelintir warganet mendakwa kononnya Nurul Izzah Anwar bermusuhan dengan Datuk Seri Rafizi Ramli.

Kata mereka permusuhan ini berlaku gara-gara Nurul Izzah 'merampas' jawatan Rafizi sebagai Timbalan Presiden PKR.

Terdapat juga yang mendakwa ini adalah konspirasi untuk menjatuhkan Rafizi yang telah sekian lama berbakti kepada parti itu.

Nampaknya tuduhan yang dilemparkan kepada Nurul Izzah adalah palsu dan berniat jahat semata-mata. Ini kerana kemenangan Nurul Izzah adalah berdasarkan undian.

Tambahan pula Nurul Izzah sendiri mengajak semua ahli PKR membina kembali kekuatan ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim selaku Presiden parti memikul amanah besar sebagai peneraju kerajaan.

Jadi di manakah bukti mereka sedang bermusuhan? Sedangkan Nurul Izzah mahu semua ahli bersatu.

"Mari kita bina kembali kekuatan



NURUL IZZAH mahu semua ahli parti kembali bersatu, tanpa mengira siapa yang mereka undi.

ini. Kalau ada yang retak, kita satukan. Kalau ada yang renggang, kita dekatkan.

"Bersama, kita mampu membawa reformasi sebenar dari hati, untuk rakyat, saya mewakili semua, sama ada yang mengundi saya, mahupun saudara Rafizi, amatilah amanah ini," katanya melalui hantaran di Facebook, baru-baru ini.

Tambah beliau Anwar selaku

Presiden PKR kini memegang amanah sebagai peneraju kerajaan, sedang memikul tanggungjawab besar mengemudi negara dalam era penuh ketidakpastian, di tengah percaturan kuasa dunia seperti perang perdagangan antara China dan Amerika Syarikat (AS).

Maka, katanya dalam keadaan ini, peranan Timbalan Presiden menjadi lebih kritikal untuk memperkukuh parti, memastikan urusan tadbir

dalam berada pada landasan kukuh, agar Presiden dapat memberikan tumpuan sepenuhnya kepada pentadbiran negara.

"Antara langkah pertama saya ialah memperkenalkan sebuah program universal untuk semua cabang, satu inisiatif menyeluruh bagi memperkasa jentera akar umbi.

"Program ini akan memfokuskan kepada strategi meningkatkan jumlah penyokong, pendekatan efektif mendekati rakyat, serta cara terbaik membantu komuniti di kawasan masing-masing.

"Kita tidak boleh membiarkan pahlawan kita berjuang tanpa kekuatan. Kita akan pastikan setiap jeneral dan pahlawan parti, dari cabang hingga ke pusat, dilengkapi dengan kekuatan yang cukup (dari segi) ilmu, sumber dan semangat juang bagi menghadapi medan tempur politik yang mendatang," katanya.

Dalam pada itu, Nurul Izzah sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua yang memberi mandat dan kepercayaan kepada beliau sehingga dipilih sebagai Timbalan Presiden. 

MENARIK WILAYAHKU



KUALA LUMPUR

23/5 - 1/6/25: Pesta Buku Antarabangsa @ PWTC

8/6/25: Dragon Boat Festival Run @ Taman Tasik Titiwangsa

14 - 15/6/25: KL Collectors Market @ The Linc KL



5/7/25: Ecotrail Putrajaya

2/8/25: Larian MAPPA XX 2025 Putrajaya @ Dataran Putrajaya

22/10/25: Sambutan Hari Penguatkuasa PPJ @ Dataran Putrajaya



LABUAN

26 - 30/7/25: Borneo Flora Festival @ Labuan 2025 @ Kompleks Sukan Laut Antarabangsa Labuan

26-28/9/25: Borneo Art Festival @ Ujana Kewangan

19/11/25: Remembrance Day @ War Memorial

TALIAN KECEMASAN

Talian Kecemasan Negara (Polis, Bomba, Hospital, Pertahanan Awam, MARITIM): **999**

Talian Kasih KPWK: **15999**

Cyber 999: **1-300-88-2999 / 019-266 5850**

PERBETUL PERSEPSI KALABAKAN

MENJADI wakil rakyat di kawasan yang menempatkan hampir 200,000 penduduk, Ahli Parlimen Kalabakan, **DATUK ANDI MUHAMMAD SURYADY BANDY** agak terkesan ketika diajukan soalan mengenai keberadaan kawasan yang diwakilinya itu.

Dicap sebagai kawasan yang tidak memiliki apa-apa keistimewaan dari segi pelancongan dengan pekannya ibarat 'pekan koboi', beliau memperbetul persepsi itu dengan menegaskan Kalabakan memiliki kelebihan lebih besar daripada apa yang disangkakan.

Malah beliau menjawab persoalan yang dilontarkan mengenai situasi terkini isu kualiti jalan raya yang menghubungkan Kalabakan dengan beberapa bandar terdekatnya.

Kepada wartawan Wilayahku, **METRA SYAHRIL MOHAMED**, beliau yang juga Ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Perhubungan Antarabangsa dan Perdagangan Antarabangsa Dewan Rakyat turut berkongsi cerita-cerita politik menjelang Pilihan Raya Negeri (PRN) Sabah nanti.

Bulan lalu Datuk ada mengetengahkan isu kualiti jalan raya Merotai-Kalabakan yang kini semakin rosak teruk dan mendatangkan risiko kepada pengguna jalan raya. Apa perkembangan terkini isu tersebut?

Saya telah membawa isu ini ke Parlimen dan juga kepada kerajaan negeri memandangkan jalan Merotai-Kalabakan merupakan laluan penting untuk jalan perhubungan rakyat di pedalaman. Ia menjadi perhatian utama saya kerana melibatkan keselamatan dan kesejahteraan rakyat.

Kerajaan Negeri Sabah memperuntukkan RM258 juta bagi pelaksanaan kerja Cold In Place Recycling (CIPR) di tiga jalan utama termasuk di jalan Kalabakan-Sapulut seperti diumumkan semasa sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) yang lalu.

Melihat kepada kepentingan laluan Merotai-Kalabakan, saya mencadangkan secara rasmi agar jalan ini dimasukkan dalam senarai CIPR. Tujuannya ialah untuk memastikan laluan ini dinaik taraf dan diselenggara dengan sempurna.

Selain laluan berkenaan, ada banyak lagi jalan raya di Sabah berada dalam keadaan teruk dan sering tular dalam media sosial dan dibangkitkan oleh orang awam. Apa masalah utama yang menghambat pihak kerajaan menangani isu kualiti jalan raya di Sabah?

Masalah utama yang kita hadapi ialah kekangan peruntukan. Kebanyakan jalan raya di Sabah telah berusia lebih 30 hingga 40 tahun dan memerlukan kerja-kerja menaik taraf. Dianggarkan RM3 bilion diperlukan untuk membaiki seluruh jalan raya yang rosak di Sabah, namun peruntukan sebesar itu masih tidak dapat disediakan.

Struktur penyelenggaraan jalan raya di Sabah juga agak kompleks. Saya percaya penyelesaian kepada masalah ini memerlukan pendekatan menyeluruh, termasuk pelaksanaan dasar yang lebih telus, pemantauan ketat terhadap kenderaan berat serta pembahagian tanggungjawab antara agensi dengan lebih berkesan.

Apakah kekuatan ekonomi di Kalabakan?

Kalabakan mempunyai potensi ekonomi sangat besar, khususnya sektor pertanian dan perladangan. Kawasan ini menempatkan beberapa syarikat perladangan utama menjadikannya antara penyumbang kepada ekonomi setempat dan Sabah secara keseluruhan.

Dari segi pembangunan fizikal, pekan baharu Kalabakan sedang melalui proses penambahbaikan berfasa. Walaupun kemajuan agak perlahan, hal ini berpunca daripada isu pemilikan tanah yang kini dimiliki oleh Sabah Softwoods dan sedang dalam proses pemindahan kepada Lembaga Pembangunan Perumahan dan Bandar (LPPB). Saya jangka dalam tempoh tiga tahun akan datang, dengan siapnya fasiliti-fasiliti, imej Kalabakan sebagai 'pekan koboi' akan berubah menjadi sebuah pusat pembangunan yang lebih teratur dan moden.

Kata orang, Kalabakan tidak memiliki daya tarikan pelancongan kerana terletak jauh di pedalaman Sabah. Pendapat Datuk?

Saya kurang bersetuju dengan pandangan itu. Kalabakan memiliki aset alam semula jadi yang luar biasa. Salah satu khazanah paling unik di Sabah, iaitu Maliau Basin. Kawasan ini digelar 'The Lost World of Sabah' kerana keunikan biodiversiti dan kekal sebagai kawasan konservasi hutan hujan tropika yang hampir tidak terusik.

Selain itu, Kalabakan juga menjadi pintu masuk ke kawasan Danum Valley dan kawasan hutan simpan Imbak Canyon yang kaya dengan flora dan fauna. Malangnya, aset-aset ini masih kurang dipromosikan. Justeru, saya telah mencadangkan agar kawasan Danum, Maliau dan Imbak Canyon (DAMAI) dimasukkan sebagai tapak warisan dunia UNESCO, demi melonjakkan nilai dan status kawasan ini di peringkat antarabangsa.

Saya juga melihat potensi pelancongan komuniti melalui projek seperti Tagal di Merotai, yang boleh ditingkatkan dan dipromosikan sebagai produk pelancongan berasaskan komuniti. Pekan Kalabakan juga ada tugu

peringatan yang berkaitan dengan sejarah konfrontasi. Dengan usaha promosi yang lebih agresif dan kerjasama pelbagai agensi, Kalabakan mampu muncul sebagai destinasi ekopelancongan unggul di Malaysia Timur.

Isu-isu pembangunan kualiti hidup rakyat, khususnya di Sabah, sering kali menjadi sorotan warganet sehingga ada yang menuding Kerajaan Persekutuan 'hanya memandang sebelah mata' terhadap Sabah. Ini menimbulkan rasa tidak puas hati ramai pihak. Komen Datuk?

Kualiti hidup rakyat di Sabah sering menjadi sorotan kerana wujudnya jurang pembangunan yang nyata antara Sabah dan Semenanjung. Kita lihat di Semenanjung, hampir setiap dua tahun ada pembangunan baharu yang signifikan, namun di Sabah, pembangunan berlaku lebih perlahan. Ini menimbulkan rasa terpinggir dalam kalangan rakyat Sabah. Antara isu legasi yang berlarutan ialah kemudahan asas seperti jalan raya, bekalan elektrik dan air bersih, masih menjadi cabaran harian bagi ramai penduduk luar bandar.

Oleh itu, saya berpandangan Kerajaan Persekutuan perlu berlaku lebih adil dan saksama dalam soal agihan pembangunan.

Kepada soalan berkaitan politik semasa, apa yang Datuk lihat terhadap kerjasama parti-parti dalam Kerajaan MADANI ketika ini?

Politik memang dinamik. Yang penting ialah semangat Kerajaan MADANI itu kekal. Perbezaan pendapat dalam parti komponen itu biasa. Kerajaan Perpaduan kini terdiri daripada 19 parti komponen, dan sudah tentu, soal agihan kerusi menjadi isu yang sensitif dan besar. Setiap parti mahu memastikan keberadaan serta kekuatan mereka diwakili, dan ini bukan sesuatu yang mudah.

Namun, saya berpandangan bahawa kita sudah mempunyai satu formula praktikal, iaitu mengamalkan prinsip 'status quo', kekalkan kerusi yang dimenangi oleh parti sedia ada (*incumbent*), manakala kerusi-kerusi yang



ANDI MUHAMMAD (kiri) ketika menyokong pembukaan cawangan baharu Tags Auto Pakar Gearbox di Jalan Air Panas, Tawau, Sabah.

kalah boleh dibincangkan dan dipertimbang secara terbuka berdasarkan kekuatan dan kesesuaian semasa.

Hakikatnya, kerjasama politik mesti disandarkan kepada toleransi dan kematangan berunding. Apa-apa pun perbezaan pandangan dan pertikaman lidah dalam kalangan parti, ia sepatutnya diselesaikan secara dalaman. Yang paling utama ialah rakyat mesti merasai hasil daripada kestabilan politik ini, bukan hanya mendengar tentang pelaburan yang masuk atau angka ekonomi yang baik, tetapi merasai sendiri kesannya dalam bentuk peluang pekerjaan, kestabilan harga barang, dan peningkatan kualiti hidup.

Kerajaan MADANI akan terus kukuh sekiranya fokus diberikan kepada isu sebenar rakyat. Jika sentimen rakyat selari dengan tindakan dan dasar kerajaan, maka saya percaya, Kerajaan MADANI boleh mempertahankan mandat pada masa akan datang.

Untuk PRN Sabah, PH dan BN sudah umum kerjasama tetapi Warisan dikatakan akan bergerak solo. Mengapa cerminan Kerajaan Perpaduan di peringkat Pusat tidak diterjemahkan dalam PRN Sabah?

Situasi politik Sabah berbeza dan lebih kompleks. Walaupun PH dan BN setuju bekerjasama, Warisan memilih bergerak solo. Ini hak mereka. Tetapi saya percaya, pada akhirnya, rakyat Sabah akan menilai berdasarkan siapa yang benar-benar membawa pembangunan dan

menjaga suara rakyat. Berkaitan dengan kerjasama PH dan BN di Sabah untuk menghadapi PRN yang akan datang, ramai tertanya-tanya mengapa model Kerajaan Perpaduan di peringkat pusat tidak diterjemahkan sepenuhnya di Sabah, lebih-lebih lagi apabila parti seperti Warisan memilih untuk bergerak solo.

Bagi saya, ini bukanlah sesuatu yang luar biasa. Kita telah lihat perkara serupa berlaku di negeri lain. Contohnya, Pakatan Harapan yang memerintah di peringkat pusat tidak menjalin kerjasama rasmi dengan kerajaan negeri Johor, dan di Sarawak pula, DAP yang merupakan sebahagian Kerajaan Persekutuan tidak menjadi sebahagian daripada kerajaan negeri GPS.

Ini menunjukkan bahawa setiap negeri mempunyai dinamik dan acuan politik tersendiri. Sabah bukanlah pengecualian, negeri ini unik dengan kepelbagaian kaum, kawasan pedalaman yang luas, serta wujudnya pelbagai parti tempatan dan pemimpin akar umbi. Oleh itu, pendekatan 'one size fits all' tidak boleh digunakan di sini. Apa yang berjaya di peringkat pusat, tidak semestinya sesuai untuk diaplikasikan di peringkat negeri.

Namun begitu, saya optimis bahawa apa keputusan PRN Sabah nanti, pada akhirnya, semua pihak yang dipilih rakyat akan bersatu untuk mentadbir dengan baik demi kepentingan negeri dan rakyat. Kita tidak harus terlalu *rigid* dalam politik, sebaliknya harus bersedia untuk mengutamakan kestabilan dan kesejahteraan rakyat melebihi kepentingan parti.



MAIMUNAH (empat dari kiri) ketika menyempurnakan penyampaian Anugerah Khas sempena Majlis Gala MLAA15.

Hubungkan antara taman Kuala Lumpur

LALUAN HIJAU 200KM DIBINA

AZLAN ZAMBRY

DEWAN Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang giat melaksanakan pembangunan laluan Park Connector Network sepanjang 200 kilometer (km) bagi menghubungkan taman-taman dan ruang awam hijau di seluruh ibu kota sebagai sebahagian daripada pelan bandar raya hijau masa depan.

Inisiatif yang diumumkan Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** ketika berucap dalam Majlis Gala Malaysia Landscape Architecture Awards ke-15 (MLAA15) itu merupakan antara 15 program perdana yang diperkenalkan beliau sejak menyandang jawatan tahun lalu.

"Park Connector Network bukan sekadar laluan transit, bahkan ia adalah nadi baharu Kuala Lumpur yang menghubungkan manusia dengan alam, menyokong biodiversiti bandar dan mempromosikan gaya hidup sihat," katanya.

Laluan hijau ini bakal menjadi rangkaian laluan rekreasi mesra pejalan kaki dan penunggang basikal yang menyambungkan pelbagai taman dan kawasan riadah merentasi bandar raya, sekali gus memperkukuh struktur ekologi bandar dan akses komuniti kepada ruang awam berkualiti.

Selain itu, DBKL turut melaksanakan pelbagai inisiatif landskap seperti Pocket Parks, mural komuniti, penanaman pokok dan revitalisasi ruang awam menerusi sokongan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan penyertaan komuniti setempat.

"Landskap bukan sekadar estetika, ia adalah kunci kepada kesejahteraan dan daya tahan bandar. Ia mesti direka bentuk untuk bertahan, mengangkat semangat manusia dan menghormati alam," kata Maimunah.

Beliau turut menyatakan bahawa DBKL kini sedang

mempercepat pewartaan taman-taman utama di bawah inisiatif KL Central Park Conservancy untuk memastikan perlindungan jangka panjang serta pengurusan lestari ruang hijau di ibu kota.

Kuala Lumpur dijangka terus menjadi perhatian serantau apabila bakal menjadi tuan rumah kepada tiga acara utama ASEAN pada Ogos ini.

Maimunah turut menjemput masyarakat dan penggiat industri menyertai KL Park Festival 2025 yang akan berlangsung dari 17 hingga 26 Oktober di Taman Tasik Titiwangsa dengan tema 'ASEAN: Unity in Diversity' sebagai platform menyemarakkan budaya, alam sekitar dan semangat komuniti.

"Segala perubahan besar bermula dengan reka bentuk ruang yang kecil tetapi penuh makna. Melalui landskap, kita mampu membina Kuala Lumpur yang boleh didiami, disayangi dan diwarisi," katanya. 

Rakyat teras perubahan

KONSEP bandar pintar bukan hanya bersandarkan kepada teknologi dan sistem canggih tetapi tentang bagaimana inovasi dapat digunakan untuk memperkasa kehidupan masyarakat.

Demikian ditegaskan Datuk Bandar Kuala Lumpur, **Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif** mengenai komitmen menjadikan Kuala Lumpur sebagai peneraju bandar pintar serantau dengan menjadikan rakyat sebagai teras utama transformasi digital dan lestari.

"Bandar pintar bukan sekadar menghubungkan peranti, tetapi menghubungkan kehidupan. Ia bukan tentang aplikasi semata-mata, tetapi tentang empati dan keadilan sosial," katanya ketika berucap pada Korea-Malaysia Smart City Roadshow 2025 di ibu negara.

Forum berkenaan dianjurkan bersama Kedutaan Republik Korea dan KOTRA.

Menurut beliau Kuala Lumpur telah melaksanakan pelbagai inisiatif berimpak tinggi, termasuk pembangunan Urban Digital Twin yang menggunakan data masa nyata dan kecerdasan buatan (AI), sistem isyarat lalu lintas pintar yang berjaya mengurangkan kesesakan sebanyak 30 peratus serta pengurusan sisa berasaskan AI yang meningkatkan kebersihan bandar.

"KL menyumbang RM244 bilion setahun kepada ekonomi negara, namun lebih penting, kami mahu

menjadi bandar yang lincah, inklusif dan mampan," katanya.

Beliau turut menekankan kejayaan perkhidmatan bas percuma elektrik GoKL yang kini merekodkan lebih 100,000 penumpang setiap hari.

Bas elektrik itu yang dikuasakan tenaga boleh diperbaharui daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB), telah mengurangkan jejak karbon bandar sebanyak 59 peratus berbanding bas diesel konvensional.

"Teknologi tidak membina kepercayaan secara sendirinya. Di Kuala Lumpur, kami memanfaatkan teknologi untuk mewujudkan tadbir urus terbuka, mempercepat kelulusan perancangan dan mendengar suara rakyat secara telus," katanya.

Kuala Lumpur juga melonjak dari tangga ke-89 ke tangga ke-65 dalam IMD Smart City Index, menunjukkan kemajuan signifikan dalam pendekatan reformasi dan kolaboratif.

Dalam usaha mencapai karbon sifar bersih menjelang 2050, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melaksanakan pelbagai langkah, termasuk pemasangan lebih 10 megawatt sistem solar di bangunan awam, penanaman 50,000 pokok setiap tahun serta pemulihan ekosistem bakau dan kolam takungan.

Maimunah turut menegaskan bahawa masa depan bandar raya tidak hanya bergantung kepada apa yang dibina, tetapi bagaimana ia dibina. 



MAIMUNAH (empat dari kiri) bersama perwakilan Korea-Malaysia Smart City Roadshow 2025 di Kuala Lumpur.

Datuk Bandar pantau pembangunan ibu kota

DATUK Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Sharif melaksanakan lawatan tapak ke beberapa kawasan cadangan pembangunan di sekitar ibu kota sebagai langkah proaktif menilai potensi serta kesesuaian projek-projek pembangunan yang dirancang, khususnya di kawasan sensitif dari sudut alam sekitar dan keselamatan.

Lawatan yang dikongsikan

menerusi laman rasmi Facebook Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) itu turut disertai Pengarah Eksekutif Perancangan DBKL, Mohamad Hamim serta wakil-wakil jabatan teknikal berkaitan.

Antara lokasi yang dilawati termasuk Bukit Kiara, Segambut, Bukit Dinding, Taman Batu Muda, Kolam Batu dan Taman Wahyu.

Fokus utama lawatan ini adalah untuk mendapatkan

gambaran secara langsung terhadap topografi, kemudahan infrastruktur sedia ada serta trend pembangunan di kawasan sekitar.

"Pemerhatian secara langsung amat penting bagi memastikan setiap cadangan pembangunan dibuat secara menyeluruh dan selaras dengan prinsip pembangunan bandar yang mampan, selamat dan berpaksaan rakyat," menurut DBKL.

Lawatan ini juga membolehkan pihak DBKL mengenal pasti isu-isu berkaitan seperti pembangunan di kawasan bercerun, kolam takungan banjir dan zon kawalan keselamatan agar tidak menjejaskan keselamatan serta kesejahteraan komuniti.

Datuk Bandar turut menekankan bahawa sebarang pembangunan perlu mengambil kira keperluan semasa dan masa

depan penduduk setempat, selain memastikan ia tidak bertentangan dengan Pelan Struktur dan Pelan Tempatan Kuala Lumpur.

DBKL akan terus melaksanakan pendekatan turun padang secara berkala sebagai komitmen berterusan dalam memastikan perancangan bandar dilakukan dengan lebih telus, cekap dan berimpak tinggi kepada masyarakat bandar raya. 

Bincang isu sempadan, tanah perkuburan

KERJASAMA RENTAS JWP-SELANGOR

AZLAN ZAMBRY

JABATAN Wilayah Persekutuan (JWP) dan Kerajaan Negeri Selangor sepakat memperkukuh kerjasama rentas negeri dalam usaha menyelesaikan isu-isu berbangkit yang memberi kesan langsung kepada rakyat, termasuk isu tanah perkuburan Islam yang telah berlarutan lebih tiga dekad.

Perkara itu dimaklumkan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** selepas menerima kunjungan hormat daripada Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dan delegasi di Menara Seri Wilayah, Putrajaya.

Menurut Zaliha antara perkara utama yang dibincangkan adalah isu tanah perkuburan Islam di Hulu Semenyih, yang kini menanti penyelesaian tuntas sejak 30 tahun lalu.

"Tanah perkuburan Islam di Kuala Lumpur kini telah mencapai lebih 70 peratus kadar penggunaan, dengan kapasiti yang hanya mampu bertahan antara lima hingga tujuh tahun sahaja lagi.

"Insya-Allah, pembukaan tanah perkuburan di Hulu Semenyih mampu menampung keperluan sehingga 28 tahun akan datang," katanya menerusi hantaran di Facebook.

Jelas beliau pertemuan itu turut menyentuh isu kemukhtamaan sempadan antara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor, serta Putrajaya dan Selangor, bagi memastikan penguatkuasaan sempadan dijalankan dengan lebih bersepadu.

Jelas beliau langkah ini penting



AMIRUDIN menyampaikan cenderahati kepada Zaliha dalam pertemuan di Menara Seri Wilayah, Putrajaya.

untuk memaksimumkan guna tanah bagi pembangunan terancang, memperkemas kutipan hasil tanah serta mengelak isu pencerobohan dan pertindihan kawasan antara negeri.

"Pertemuan ini berlangsung dalam suasana muafakat dan persefahaman yang positif, mencerminkan komitmen kedua-dua pihak untuk mencari solusi yang inklusif dan menang-menang demi manfaat rakyat," katanya.

Turut hadir dalam pertemuan tersebut ialah pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Wilayah Persekutuan dan Pejabat Menteri Besar Selangor.

Zaliha berkata kerjasama erat seumpama ini akan diteruskan dari semasa ke semasa, khususnya dalam aspek perancangan bandar, pembangunan masyarakat dan kesejahteraan rakyat Wilayah Persekutuan dan Selangor secara bersama. 

3D tingkat kesedaran kesihatan oral

SATU program khidmat masyarakat anjuran pelajar prasiswazah dari Fakulti Pergigian dan Fakulti Farmasi, Universiti Malaya (UM) telah diadakan baru-baru ini bertempat di Pusat IQ70plus.

Pensyarah Pergigian Penjagaan Khas di Fakulti Pergigian UM, **Dr Jessica Francis** berkata program 3D (*Dental, Diabetes & Disability*) itu bertujuan meningkatkan kesedaran tentang kesihatan oral dan umum serta menyediakan saringan pergigian asas kepada penghuni pusat tersebut.

"Ia diadakan di sebuah pusat yang menyokong individu berkeperluan khas intelek di Kuala Lumpur.

"Para pelajar pergigian juga menjalankan saringan kesihatan oral, dengan pemeriksaan ringkas dan mesra bagi menilai keadaan kesihatan gigi setiap penghuni di mana saringan ini membantu mengenal pasti masalah kesihatan oral dan menjadi peluang untuk memberi tunjuk ajar asas mengenai penjagaan kebersihan mulut," katanya.

Jessica berkata mereka turut mengadakan sesi pendidikan kesihatan oral yang mana sesi ini menggunakan bahan bantu mengajar interaktif seperti alat visual dan demonstrasi bagi mengajar teknik memberus gigi yang betul serta kepentingan pemakanan sihat.

"Matlamatnya adalah untuk memastikan para penghuni dapat memahami dan

mengamalkan tabiat penjagaan kesihatan mulut yang baik secara menyeronokkan dan mudah difahami.

"Selain itu, pelajar farmasi turut menjalankan saringan glukosa darah rawak kepada para penghuni yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran tentang diabetes dan kesihatan umum, serta mengenal pasti individu yang mungkin memerlukan perhatian perubatan lanjut," katanya.

Tambahnya bagi mewujudkan suasana yang menyeronokkan, aktiviti dan permainan bertemakan kesihatan yang direka khas untuk individu berkeperluan intelek turut diadakan.

"Permainan ini bukan sahaja menguatkan mesej kesihatan, malah menggalakkan penyertaan aktif dan interaksi sosial yang positif.

"Program *outreach* kolaboratif ini memberi manfaat kepada penghuni selain pengalaman praktikal yang amat berharga kepada para pelajar dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang inklusif untuk komuniti yang sering terpinggir dalam akses kesihatan konvensional.

"Ia membuktikan kepentingan kerjasama rentas disiplin dalam mempromosikan kesihatan, serta menonjolkan semangat belas ihsan, dedikasi dan profesionalisme dalam kalangan penyedia penjagaan kesihatan masa hadapan," katanya. 

YWP, Yayasan Hasanah bantu pelajar

TIDAK mahu anak-anak Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terus tercicir daripada mendapat pendidikan yang sempurna, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) mengambil inisiatif mengadakan Program Tuisyen SPM dan 3M.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif YWP, **Dr Abdul Basir V Kunhimohamed**, program tersebut diadakan dengan kerjasama Yayasan Hasanah sebagai usaha memperkasa pendidikan dan komuniti khususnya untuk pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan dan berprestasi rendah.

"Program ini menyasarkan pelajar-pelajar Tingkatan 5 yang akan menghadapi peperiksaan SPM Tahun 2025 dan pelajar Tahun 2 serta 3 yang lemah dari segi membaca, menulis dan mengira.

"Objektif program ini adalah bagi membantu menambah keyakinan dan motivasi pelajar

untuk memperbaiki kelemahan serta menguasai pengetahuan dalam mata pelajaran yang diikuti khususnya untuk menghadapi peperiksaan," katanya.

Bercakap mengenai penglibatan YWP dalam program tersebut, Abdul Basir berkata pihaknya terlibat dari awal perancangan program termasuk perjumpaan bersama beberapa rakan strategik untuk membantu dari segi sumbangan dana, pencarian tenaga pengajar serta penyediaan modul mata pelajaran.

"Kita juga turun padang untuk mencari pelajar-pelajar yang layak dan berminat mengikuti program tuisyen ini.

"Selain Yayasan Hasanah, Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pihak-pihak universiti awam seperti Universiti Malaya dan Universiti Utara Malaysia (cawangan Kuala Lumpur), pihak universiti



KERJASAMA YWP dan Yayasan Hasanah menjayakan Program Tuisyen SPM dan 3M.

swasta dari Kolej YPC, persatuan penduduk dan komuniti setempat juga banyak memberi sokongan dalam pelaksanaan program ini," jelasnya.

Tambahnya melihat kepada usaha dan pencapaian pelaksanaan program, YWP percaya Yayasan

Hasanah akan memberi ruang dan peluang kerjasama yang lebih besar kepada pihaknya demi kemaslahatan pelajar-pelajar yang memerlukan sokongan pendidikan.

Dalam pada itu, Abdul Basir turut mengharapakan dengan pelaksanaan program ini dapat membuka lebih

banyak ruang kerjasama bersama pihak lain.

"Semoga pelaksanaan program ini dapat membuka lebih banyak ruang kerjasama strategik bersama rakan-rakan sinergi yang prihatin terhadap pembangunan modal insan, khususnya dalam kalangan komuniti yang memerlukan di Wilayah Persekutuan.

"YWP percaya bahawa sokongan berterusan daripada pelbagai pihak amat penting dalam memperkasa aspek pendidikan, sosial dan ekonomi masyarakat, ke arah membentuk warga Wilayah Persekutuan yang lebih sejahtera, mampan dan berdaya saing," katanya.

Terdahulu Program Tuisyen SPM dan 3M diadakan di Pusat Pemerkasaan Pendidikan dan Komuniti (PREPKOM) Program Perumahan Rakyat (PPR) Pantai Ria, Kuala Lumpur. 

MENAKLUK DUNIA DENGAN BUKU

KU SEMAN KU HUSSAIN

BUKU adalah sumber pengetahuan yang tidak boleh digantikan dengan sesuatu yang lain dalam kehidupan manusia. Membaca buku bukan hobi atau sekadar memenuhi masa terluang, tetapi satu keperluan hidup. Tanpa membaca hidup menjadi kosong dan tidak lengkap.

Dengan buku, seseorang dapat memperluas pengetahuan, menggali begitu banyak maklumat dan pemikiran baharu serta mendalami pelbagai bidang ilmu. Buku yang baik tentu sahaja membawa pandangan baharu, mempertajam pola fikiran dan tidak ketinggalan merangsang pemikiran kreatif.

Pada 2020, Kuala Lumpur dipilih oleh Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan



PENULIS BEBAS

Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai Ibu Kota Buku Dunia ke-21. Program Kuala Lumpur Ibu Kota Buku Dunia (KLWBC 2020) adalah satu lonjakan bagi Kuala Lumpur supaya setaraf dengan kota lain dari sudut perbukuan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sebagai tuan rumah telah merangka banyak kegiatan untuk diisi dalam program selama setahun itu. Walau bagaimanapun KLWBC 2020 terganggu dan banyak kegiatan yang dirancang tidak dapat dilaksanakan kerana pandemik COVID-19.

Akan tetapi semua yang berlaku adalah di luar kawalan dan sebagai alternatif, beberapa kegiatan dilaksanakan secara maya. Walaupun begitu halangan sedemikian bukanlah suatu yang membantutkan program berkenaan secara keseluruhannya.

Kini Kuala Lumpur sekali lagi menjadi tumpuan peminat buku dalam dan luar negara. Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) terus menjadi acara tahunan menyemarakkan dunia perbukuan negara ini.

'Pesta buku' yang merujuk kepada PBAKL sudah menjadi jenama yang menerobos ke segenap lapisan bahawa di situ adalah lubuk untuk mendapatkan buku-buku terbaik, dari dalam dan luar negara. Banyak juga buku yang belum ada di pasaran tetapi ada di PBAKL



PBAKL yang berlangsung di WTC Kuala Lumpur menghimpunkan pelbagai genre penerbitan buku.

Acara bertaraf dunia, KLWBC 2020 dan PBAKL memperlihatkan perbukuan bukan suatu yang asing atau terpinggir dalam pembangunan manusia di negara ini. Malah selari dengan pembangunan fizikal dengan berdirinya bangunan tinggi yang mencucuk awan. Pembangunan manusia ditandai antaranya dengan PBAKL dan KLWBC 2020.

Sambutan yang tidak pernah kurang terhadap PBAKL itu sebenarnya satu pencapaian yang menarik. Orang ramai dari seluruh pelosok dan pelbagai lapisan berpusu-pusu ke Pusat Dagangan Dunia (WTC) Kuala Lumpur, tempat berlangsungnya PBAKL. Mereka ini datang bukan untuk membeli pakaian sempena hari raya.

Mereka berpusu-pusu untuk membeli buku kerana di situ tersedia pelbagai jenis dan genre buku. Malah terlalu banyak pilihan daripada ratusan reruai. PBAKL yang menghimpun hampir semua penerbit besar dan mandiri serta dari luar negara memberikan peluang kepada khalayak memilih buku yang diminati.

Tidak sahaja genre novel yang bercorak popular yang sememangnya mencatat jualan tinggi, malah buku-buku yang lebih berat kandungannya seperti riwayat hidup Nabi Muhammad SAW serta banyak buku falsafah

dan pemikiran. Tentu sahaja apabila memilih untuk ke pesta buku, pengunjung memang bersedia berdepan dengan buku.

Keadaan sedemikian menunjukkan dunia perbukuan negara ini tumbuh dengan baik sekalipun jualan buku pada relatifnya masih rendah. Biarpun ada yang menganggap buku sudah tidak banyak dibaca, tetapi sambutan dan jualan buku di PBAKL memperlihatkan hal sebaliknya.

Buku juga berperanan membangunkan karakter dan keperibadian pembaca. Buku yang membawa nilai moral dan etika berpotensi membantu membentuk keperibadian yang baik kepada khalayaknya. Maka, bijaksana dalam memilih buku juga menjadi sama penting dengan membaca buku.

Hal demikian kerana banyak juga buku yang buruk kandungannya dan tidak sesuai dengan norma sosial, budaya dan agama. Perkara itu bukanlah suatu yang luar biasa kerana buku sedemikian dilihat berpotensi mendapat sambutan daripada khalayak. Maka, bijaksana memilih buku juga penting dalam berdepan dengan oportunitis dunia perbukuan.

Tanggapan bahawa buku sudah tidak dibaca tidak lebih pengamatan yang liar golongan yang sebenarnya menjauhkan diri daripada buku. Malah kesimpulan itu tanpa disokong oleh hujah-hujah meyakinkan. Hal itu tidak lebih mengajuk tanggapan orang lain bahawa buku sudah tidak dibaca.

Oleh hal yang demikian kita tidak perlu memberikan tumpuan yang serius terhadap tanggapan sedemikian. Makna 'buku' bukan sahaja yang berbentuk fizikal atau bercetak, buku juga boleh didapati dalam bentuk digital.

Sekiranya jualan buku bercetak menurun disebabkan oleh meningkatnya buku digital, hal itu hanya satu perubahan platform. Buku tetap buku sekalipun bentuknya berubah dan hanya dibaca secara dalam talian.

Sekalipun begitu kadar penggunaan buku digital di negara ini masih terlalu kecil. Disebabkan itu buku hanya dirujuk pada yang berbentuk fizikal dan bercetak. Memang ada kecenderungan dalam kalangan penulis dan penerbit untuk menghasilkan buku digital, tetapi bukan utama seperti buku bercetak.

Untuk itu, faktor penting dalam dunia perbukuan tempatan bukan sahaja penganjuran PBAKL yang sentiasa mendapat sambutan. Ada beberapa faktor lain yang turut mendukung dunia perbukuan. Misalnya peningkatan jumlah penerbit terutama yang

mandiri dan juga pembaca.

Tanpa khalayak sudah tentu sukar untuk penerbit konsisten menerbitkan buku-buku terutama yang membawa penemuan, pembongkaran atau pemikiran yang baharu. Peningkatan jumlah pembaca menjadi ekosistem penting dunia perbukuan tempatan hingga mampu mempunyai pesta buku sehebat PBAKL.

Peningkatan jumlah penerbit mandiri memperlihatkan dukungan kuat pada dunia perbukuan. Apabila banyak penerbit maka bertambahlah peluang kepada penulis untuk menghasilkan buku. Akhirnya bertambah besar pilihan yang diberikan kepada khalayak.

Keadaan sedemikian amat jauh berbeza dengan dunia perbukuan pada dekad 1990-an dan sebelumnya. Ketika itu bidang penerbitan buku hanya digerakkan oleh penerbit besar seperti Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Pustaka Antara atau Oxford University Press dan beberapa lagi.

Pada dekad-dekad berkenaan kerja menerbitkan buku terpaksa melalui proses yang panjang serta menggunakan banyak belanja. Berbanding masa kini dengan penggunaan teknologi, cetakan yang moden menerbitkan buku menjadi pantas dan belanja yang pada relatifnya rendah.

Sebenarnya bertambah penerbit mandiri dalam dunia perbukuan tidak sahaja meluaskan peluang penulis memiliki buku sendiri. Lebih jauh daripada itu, penerbit mandiri menambahkan kepelbagaian kandungan dan genre buku di pasaran.

Hal itu menjadikan dunia perbukuan tempatan lebih dinamik dan membawa pemikiran serta pandangan yang pelbagai kepada khalayak. Semakin banyak penulis mendapat peluang menerbitkan buku, semakin luaslah idea dan pemikiran yang dicambahkan kepada khalayak.

Buku yang baik berperanan membentuk kehidupan, sama ada dari sudut intelektual, emosi, mahupun spiritual. Hal itu bertepatan dengan gambaran bahawa buku adalah jendela untuk melihat dunia. Demikianlah hebatnya kuasa buku yang berupaya membuka wawasan dan pemahaman terhadap pelbagai perkara yang tidak diketahui sebelum itu. Membaca buku yang baik adalah satu-satunya cara untuk melawan kebodohan.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

RAGAM KOTA

MATOMATO

SAMBUTAN HARI GURU MINGGU LEPAS

GURU SENI

GURU B.M

GURU DISIPLIN



Sebarang maklumat berhubung Editorial Wilayahku, sila hubungi alamat tertera:
Aras 9, Blok 1, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya.
 Tel: 03-8861 5260 | E-mail: editorialwilayahku@gmail.com



Bil 315 . 30 MEI - 5 JUN 2025

HATI-HATI PENYONDOL

►►10-11



PENJARA, DENDA MENANTI ORANG KETIGA

DIANA AMIR & SABRINA SABRE

SETIAP pasangan yang berkahwin pasti pernah berdepan perselisihan faham dalam berumah tangga, ibarat peribahasa 'sedangkan lidah lagi tergigit; inikan pula suami isteri'.

Namun sejak akhir-akhir ini kita sering dihadapkan dengan kisah keretakan rumah tangga yang berpunca daripada orang ketiga.

Meskipun menongkah arus pemodenan namun masih ramai kaum isteri yang tidak tahu bahawa terdapat tindakan undang-undang yang boleh dikenakan terhadap mana-mana individu yang menjadi perosak rumah tangga orang lain.

Kurangnya kesedaran itu juga membuatkan ramai wanita memilih untuk makan hati dan tidak membawa perkara ini ke muka pengadilan.

Peguam, **Adillah Zaheed** berkata di Malaysia, tindakan undang-undang terhadap orang ketiga yang terlibat dalam kes curang bergantung kepada status perkahwinan dan agama pasangan yang terlibat.

"Bagi pasangan Muslim, aduan boleh dibuat di Pejabat Agama Daerah bagi kesalahan di bawah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).

"Ia diperuntukkan dalam bahagian Kesalahan Pelbagai berdasarkan Seksyen 36, Seksyen 37 dan Seksyen 38. Berdasarkan peruntukan kesalahan-kesalahan tersebut, ini bermakna tindakan undang-undang dari aspek penyiasatan dan pendakwaan boleh dikenakan kepada orang ketiga yang terlibat dengan perbuatan gangguan terhadap perkahwinan orang lain dengan

syarat ada aduan diterima daripada pihak terlibat.

"Orang yang disabit bersalah boleh dikenakan denda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tiga tahun, atau kedua-duanya atau denda RM2,000 atau penjara setahun.

"Melalui peruntukan ini mana-mana isteri atau suami yang merasakan pergolakan rumah tangga mereka adalah

berpunca daripada orang ketiga boleh membuat pendakwaan di Mahkamah Syariah yang berdekatan dengan membawa bukti dan saksi sebagaimana diperuntukkan bagi sebuah pendakwaan," katanya kepada Wilayahku.

Mengulas lanjut, Adillah berkata tidak ada statistik rasmi mengenai isteri yang mengambil tindakan undang-undang namun angkanya

tidak setinggi yang dijangkakan di atas beberapa faktor.

"Antaranya stigma sosial dan dianggap sebagai aib keluarga di mana mangsa mungkin takut dengan pendedahan awam yang akan mendorong kepada kecaman masyarakat atau kesan negatif terhadap anak-anak.

"Selain itu, kurangnya kesedaran undang-undang serta kesukaran pembuktian kerana mendapatkan

bukti yang kukuh untuk tuntutan undang-undang, terutamanya untuk perzinaan, boleh menjadi sangat mencabar di mana bukti yang lemah menyebabkan pendakwaan tidak dapat diteruskan.

"Seterusnya proses undang-undang boleh memakan masa yang panjang dan melibatkan kos yang tinggi untuk yuran guaman serta perbelanjaan mahkamah dan akhir sekali sesetengah mangsa mungkin berharap untuk memulihkan hubungan mereka dan tidak mahu mengeruhkan lagi keadaan dengan tindakan undang-undang terhadap pihak ketiga," jelasnya yang juga peguam syarie bagi negeri Perak, Kedah, Pulau Pinang dan

Wilayah Persekutuan.

Sejak akhir-akhir ini juga ramai mangsa yang memilih untuk menularkan kisah kecurangan menerusi media sosial berbanding terus mengambil tindakan undang-undang.

Mengakui perkara tersebut, Adillah berkata sudah menjadi kebiasaan pada hari ini masyarakat berkongsi berkenaan kehidupan di laman sosial.

"Mungkin pasangan yang menularkan kisah kecurangan di laman sosial atas beberapa sebab seperti mencari sokongan emosi, simpati dan mendapatkan sokongan daripada komuniti. Mereka juga mungkin berasa bahawa sistem undang-undang tidak mencukupi atau terlalu rumit, dan berharap 'mahkamah awam' akan memberi keadilan.

"Walau bagaimanapun, menularkan kisah kecurangan di laman sosial jarang sekali akan memihak kepada mangsa dari segi perundangan, malah boleh mendatangkan kesan negatif seperti trauma berpanjangan kepada mangsa, anak-anak dan ahli keluarga lain.

"Antara lain adalah pihak yang dituduh (pasangan atau orang ketiga) boleh memfailkan saman fitnah terhadap mangsa jika maklumat yang disebarkan tidak benar atau sengaja berniat jahat serta pendedahan butiran peribadi boleh melanggar hak



privasi individu yang terlibat," katanya.

MANGSA BOLEH ALAMI TEKANAN EMOSI

DITANYA adakah mangsa boleh mendapatkan keadilan undang-undang sekiranya orang ketiga mempunyai hubungan suka sama suka dengan suami, Peguam, **Nor Zabetha Muhamad Nor** berkata dari segi undang-undang, kesalahan ini adalah lebih kepada pilihan dan melibatkan emosi serta perasaan.

"Benar kita ada undang-undang tetapi bagi kes begini pelaksanaannya tidak cukup kuat tambahan ini adalah kesalahan yang suka sama suka.

"Oleh yang demikian untuk meneruskan kes ini bagi tindakan serius, amat sukar dan dari segi keadilan undang-undang amat sukar untuk mengembalikan segala kesedihan, tekanan dan emosi kerana perkara telah berlaku melainkan sewaktu melakukan kecurangan tersebut, pasangan mula berlaku kasar seperti memukul atau menyeleweng duit pasangan untuk membiayai kekasihnya.

"Antaranya kesalahan Seksyen 323, 324, 325 atau 326 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan. Bagi kes melibatkan pasangan akan dituduh bersama Seksyen 326a Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan pada pasangan atau bekas pasangan.

"Bagi kes menyeleweng duit pasangan, mangsa boleh membuat laporan polis dan menuntut wang semula. Kes begini adalah keganasan rumah tangga seperti



ZABETHA

y a n g didefinisi dalam Akta Keganasan R u m a h T a n g g a 1 9 9 4 , " k a t a n y a y a n g berkhidmat di firma g u a m a n T e t u a n N o r Z a b e t h a C h i n n a & C o .

Berkongsi pengalaman, Nor Zabetha berkata kehadiran orang ketiga ibarat racun dalam perhubungan suami isteri yang merosakkan kerukunan rumah tangga serta boleh menjejaskan kesihatan mental mangsa.

"Saya pernah mewakili wanita yang dicurangi di mana mangsa mengalami kemurungan teruk sehingga keguguran. Justeru, kami memfailkan tindakan bagi ganti rugi 'nervous shock', kepayahan dan/atau kesusahan yang mana pihak ketiga perlu membayar ganti rugi bernilai RM40,000 secara penyelesaian secara damai.

"Wanita ini telah bercerai dengan suami yang mencurangnya dan berkahwin dengan kekasihnya itu. Namun anak guam saya teguh dengan pendiriannya untuk memberikan pengajaran dan kini, telah memulakan hidup baru dan bahagia bersama anak-anaknya," kongsiya. 

Kerap pulang lewat malam

SEORANG wanita nekad mengambil tindakan undang-undang terhadap individu yang didakwa sebagai 'orang ketiga' dalam rumah tangganya selepas mendakwa suaminya berlaku curang dan menjalinkan hubungan sulit secara rahsia sejak lebih setahun lalu.

Mangsa yang hanya mahu dikenali sebagai **Jue**, 35, berkata dia mula menyedari perubahan ketara dalam sikap suaminya apabila lelaki itu kerap pulang lewat malam dengan pelbagai alasan berkaitan kerja dan semakin menjauhkan diri daripada keluarga.

"Saya mula rasa curiga apabila komunikasi kami menjadi dingin dan dia sering mengelak daripada menjawab panggilan atau mesej saya. Apabila saya periksa telefonnya, saya temui pelbagai bukti termasuk gambar mesra dan perbualan intim dengan seorang wanita yang bekerja di tempat sama. Ia benar-benar melukakan," katanya kepada Wilayahku.

Jue yang telah mendirikan rumah tangga selama tujuh tahun dan mempunyai dua anak berkata tindakan yang diambil bukanlah atas dorongan emosi semata-mata tetapi sebagai usaha mempertahankan hak dan maruah institusi perkahwinan.

"Saya mahu wanita itu bertanggungjawab. Hubungan terlarang itu bukan sahaja memusnahkan perkahwinan saya, malah memberi kesan emosi yang besar kepada anak-anak kami yang masih kecil dan belum memahami konflik ini," katanya.

Menurut Jue keputusannya juga adalah satu bentuk isyarat kepada masyarakat bahawa perbuatan 'menyondol' atau mengganggu hubungan rumah tangga orang lain bukan perkara kecil yang boleh dibiarkan berleluasa.



"Peguam saya telah memfailkan saman sivil terhadap wanita terbabit atas dakwaan pencerobohan terhadap hubungan perkahwinan di bawah prinsip tort 'enticing or alienation of affection' yang boleh diguna pakai dalam sistem undang-undang sivil Malaysia.

"Malaysia mungkin tidak mempunyai peruntukan undang-undang khas untuk menghukum orang ketiga dalam perkahwinan, namun terdapat ruang dalam undang-undang tort yang membolehkan pihak ketiga dipertanggungjawabkan jika wujud unsur campur tangan yang menyebabkan keruntuhan

rumah tangga," katanya.

Jue menjelaskan bahawa kes seperti ini semakin meningkat dan tindakan tegas perlu diambil untuk memberikan mesej pencegahan kepada masyarakat agar tidak menormalisasi perbuatan curang dan pengkhianatan dalam perkahwinan.

"Kes ini akan menjadi rujukan kepada pasangan lain yang menjadi mangsa dan selama ini berasa tidak mempunyai saluran keadilan. Undang-undang memang rumit, tetapi tidak bermakna mangsa tidak boleh menuntut pembelaan," tambahanya. 

Prosedur membuat aduan gangguan pihak ketiga oleh mangsa

1. Hadir ke Bahagian Penguatkuasa Jabatan Agama.
2. Jelaskan bentuk-bentuk gangguan yang dibuat oleh pihak ketiga dan bagaimana ia memberikan impak buruk kepada rumah tangga.
3. Kemukakan segala bukti, dokumen penting atau saksi yang boleh menyokong fakta aduan gangguan tersebut.
4. Selepas aduan dibuat, pihak Jabatan Agama akan mengambil tindakan selanjutnya.

Sumber: Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI)

Apakah perbuatan yang boleh didakwa?

Berdasarkan akta/Enakmen kesalahan Jenayah Syariah, terdapat beberapa perbuatan yang boleh didakwa sebagai gangguan orang ketiga, antaranya:



1. Memujuk lari atau membawa pergi atau mempengaruhi perempuan bersuami supaya meninggalkan rumah tangga.



2. Menghalang pasangan suami isteri yang sah daripada hidup sebagai suami isteri.



3. Menghasut, memaksa, memujuk suami atau isteri supaya bercerai atau mengabaikan tanggungjawab.

Orang ketiga tidak semestinya membabitkan skandal atau orang luar. Mereka juga boleh terdiri daripada termasuk ahli keluarga sendiri seperti:

Ibu bapa, adik-beradik, ipar duai dan sebagainya.

Kekasih atau bekas kekasih.

Jiran dan lain-lain.

Rakan, rakan sekerja atau majikan.



1. Orang yang disabit bersalah didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tiga tahun, atau kedua-duanya.
2. Mereka yang disabit kesalahan itu boleh didenda RM2,000 atau penjara setahun, atau kedua-duanya sekali.
3. Orang yang disabit bersalah didenda tidak melebihi RM5,000 atau penjara tiga tahun, atau kedua-duanya.

SYURGA BUKU KEMBALI LAGI

SHUAIB AYOB

PESTA Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2025 (PBAKL 2025) kembali dengan tema 'Buku: Membaca, Memimpin' bertempat di World Trade Centre Kuala Lumpur (WTCKL), bermula 23 Mei hingga 1 Jun 2025.

Acara kali ke-42 ini menampilkan 1,172 reruai dengan penyertaan daripada lebih 21 negara termasuk anggota ASEAN. Tahun ini, PBAKL 2025 menyasarkan kehadiran 1.9 juta pengunjung, berikutan peningkatan jumlah sehingga

200 reruai berbanding tahun lalu.

Seawal pagi, pengunjung sudah berpusu-pusu memenuhi ruang legar WTCKL — ada yang datang sekeluarga, ada yang bawa beg troli siap sedia untuk memborong buku. Suasana penuh warna-warni dengan reruai pelbagai konsep dari penerbit tempatan dan antarabangsa, menawarkan buku dengan harga runtuh dan promosi eksklusif sepanjang pesta.

PBAKL 2025 bukan sekadar

pesta buku, ia adalah pesta ilmu, tempat menyemai semangat membaca serta menjalin jaringan antara pencinta buku seluruh dunia. Dengan tema 'Buku: Membaca, Memimpin', diharapkan semangat ini terus hidup dan berkembang, menjadikan masyarakat Malaysia lebih bijak, berdaya saing dan berbudaya tinggi.

Lensa Wilayahku sempat menerokai suasana hari pertama pesta buku ini berlangsung. 







Mempersembahkan

FESTIVAL ORKESTRA KUALA LUMPUR

31 Mei–29 Jun
2025

Menampilkan:

Orkestra Kuala Lumpur
China Philharmonic Youth Orchestra
Siam Sinfonietta
Tokyo Symphony Orchestra
Marktoberdorf Youth Wind Orchestra
dan banyak lagi..

IMBAS UNTUK PENDAFTARAN
DAN MAKLUMAT LANJUT



FoMO antara gejala kebergantungan media sosial

KESAN 'KECANDUAN DIGITAL'

MOHD KHAIRUL NAIM CHE NORDIN

PADA hari ini, setiap individu yang memiliki akses Internet umumnya akan turut memiliki akaun media sosial. Apa daya tarik yang ada pada media sosial sehingga kita begitu tertarik menggunakannya?

Jawapannya kembali kepada fungsi media sosial itu sendiri yang membolehkan kita semua berhubung, berkongsi cerita, idea, minat dan maklumat dengan mudah. Dengan kata lain media sosial menjadi sebahagian daripada hidup harian kita.

Media sosial memberi peluang dan ruang untuk kita berasa dekat dengan orang lain walaupun secara maya. Kita boleh masuk dalam komuniti yang memiliki minat yang sama, turut serta dalam kumpulan (*group*) yang berkongsi topik-topik kegemaran dan bersempang dengan pengguna lain walaupun tidak pernah berjumpa secara berdepan.

Media sosial juga memenuhi keperluan sosial kita seperti rasa diterima dan dihargai. Bila kita mendapat '*like*' atau komen daripada orang lain, ia membuatkan kita rasa dihargai.

Perasaan ini adalah ganjaran kecil yang menjadikan kita rasa seronok dan ingin terus berkongsi. Lebih ramai yang memberi perhatian,

maka kita rasa lebih bersemangat untuk terus aktif di media sosial.

Ini menjadikan perkongsian di media sosial bukan sekadar untuk simpanan peribadi, tetapi juga sebagai usaha untuk membina naratif identiti dan mendapatkan pengesahan sosial.

Hidup di era digital terbukti mengubah gaya hidup kita. Namun, seperti juga setiap teknologi yang ada, media sosial turut memberi banyak kesan, antaranya pada diri kita sendiri.

Kini lahir pelbagai istilah yang digunakan dalam bidang psikologi dan sosiologi bagi menggambarkan beberapa gejala utama yang timbul akibat kebergantungan kepada media sosial. Antaranya ialah:

- **Doomscrolling:** Gejala ini merujuk kepada tabiat melayari kandungan negatif di media sosial secara berterusan terutamanya pada waktu malam. Kita tidak akan berhenti menatal (*scroll*) telefon walaupun kandungan tersebut menimbulkan keresahan atau kemurungan. Gejala ini berlaku akibat rasa ingin tahu (yang umumnya tidak diperlukan) dan gagal untuk memutuskan sambungan daripada informasi yang membebaskan emosi.

- **FoMO (Fear of Missing Out):** Ia merupakan ketakutan bahawa kita sedang tertinggal pengalaman yang menyeronokkan atau penting yang sedang dialami oleh orang lain. FoMO tercetus apabila media sosial memaparkan kehidupan 'sempurna' rakan-rakan atau selebriti. Ini menyebabkan kita merasa tidak cukup dengan apa yang sedia ada dan rasa tercicir atau tertinggal daripada kehidupan sosial jika tidak mengetahui dan mengalami apa yang berlaku.

- **FoBO (Fear of Better Options):** Ia adalah keraguan berpanjangan dalam membuat keputusan kerana bimbang



MEDIA sosial ketika ini banyak mempengaruhi kehidupan dan cara seseorang itu berfikir.



Detoks digital antara usaha yang boleh kita lakukan. Berehatlah seketika daripada menggunakan telefon dan media sosial agar minda boleh kembali tenang.

terdapat pilihan yang lebih baik. Ini boleh dilihat ketika kita sukar memilih apa yang ingin ditonton, beli, atau bahkan siapa yang ingin dikenali. Ini berlaku kerana terlalu banyak pilihan yang tersedia.

- **Compare and Despair Fenomena:** Boleh dikaitkan dengan *Instagram Envy* yang merujuk kepada kecenderungan kita membandingkan diri dengan orang lain secara berlebihan. Ia tercetus melalui perkongsian orang lain berkenaan gambar pergi melancong, mencapai kejayaan akademik dan menunjukkan gaya hidup mewah. Apabila melihat perkongsian ini, kita berasa inilah gambaran kejayaan dan kebahagiaan sebenar sehingga apabila dibandingkan pula dengan diri, kita rasa rendah diri, tidak puas hati dan murung. Kita mungkin berasa gagal mencapai standard kehidupan yang ditampilkan oleh orang lain.

- **Social Media Fatigue:** Keletihan media sosial berlaku apabila kita merasa letih pada mental dan emosi kerana penggunaan gajet yang berpanjangan. Walaupun kita ingin berehat daripada melayari media sosial, namun kita berasa sukar untuk berhenti. Antara faktornya adalah kerana takut ketinggalan berita atau interaksi sosial.

- **Phantom Vibration Syndrome:** Sindrom ini merujuk kepada perasaan seolah-olah telefon kita bergetar atau berbunyi walaupun tiada notifikasi yang diterima. Ia adalah satu bentuk ilusi yang mencerminkan kebergantungan tinggi terhadap telefon dan dalam masa yang

sama keterikatan psikologi kepada notifikasi digital. Jika mahu mengukur sejauh mana keterikatan kita pada gajet, maka sindrom ini boleh dijadikan rujukan.

- **Digital Narcissism:** Narsistik ialah sikap seseorang yang terlalu mementingkan diri sendiri, suka menjadi pusat perhatian dan berasa diri lebih istimewa atau hebat daripada orang lain. Gejala ini merujuk kepada kecenderungan kita untuk mencari pengesahan diri melalui jumlah '*likes*', '*shares*', dan komen di media sosial. Antara contoh gejala ini ialah suka muat naik gambar sendiri berulang kali hanya untuk meraih '*like*' atau pujian dan cepat marah atau tersinggung jika tidak mendapat perhatian yang diharapkan. Akhirnya, nilai diri bergantung sepenuhnya kepada reaksi digital orang lain.

- **Echo Chamber Effect:** 'Kesan gema' berlaku apabila kita sentiasa melihat atau membaca pandangan yang sama dengan apa yang kita sendiri percaya. Ia dinamakan gelembung maklumat. Ini berlaku kerana algoritma media sosial akan hanya menunjukkan kandungan yang selari dengan minat dan kepercayaan kita (berdasarkan interaksi dan kesan jejak digital kita di media sosial). Akibatnya, kita jarang didedahkan dengan pandangan berbeza dan mudah terperangkap dalam cara fikir yang sempit.

- **Oversharing:** Ini berlaku apabila kita berkongsi terlalu banyak maklumat peribadi di media sosial tanpa menyedari kesan jangka

panjang terhadap keselamatan dan privasi diri. Ini berpunca daripada keinginan untuk mendapatkan perhatian atau terbiasa dengan pendedahan diri yang berlebihan.

- **TikTok Brain:** Istilah ini merujuk kepada kesan ke atas otak akibat terlalu kerap menonton video pendek dan laju seperti di TikTok. Akibatnya, kita menjadi sukar untuk memberi tumpuan yang lama terhadap sesuatu aktiviti, cepat bosan dengan kandungan yang panjang, dan susah fokus semasa belajar atau bekerja.

Kita mungkin telah mengalami beberapa gejala di atas. Apa yang penting tanda-tanda itu telah dapat kita kenal pasti pada diri.

Maka langkah seterusnya ialah pencegahan yang berkesan. Detoks digital antara usaha yang boleh kita lakukan. Berehatlah seketika daripada menggunakan telefon dan media sosial agar minda boleh kembali tenang.

Langkah kedua ialah seimbangkan penggunaan teknologi. Kita tetapkan masa tertentu untuk membuka media sosial, elak daripada menggunakan gajet sebelum tidur dan luangkan masa untuk aktiviti tanpa skrin seperti membaca, bersenam atau bersempang secara langsung.

Cabaran besar adalah pada anak muda dan remaja yang membesar ketika era digital ini telah sedia berkembang.

Bagi orang dewasa, mungkin mereka boleh membezakan keadaan hidup sebelum media sosial berkembang dengan apa yang berlaku kini.

Namun bagi yang sedang membesar, gejala di atas mungkin dianggap sebagai suatu yang normal dan menjadi sebahagian dari pengalaman diri. Maka dalam konteks ini, kemahiran literasi digital perlu diterapkan dalam sistem pendidikan di setiap peringkat.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Kini mendapat sambutan menggalakkan daripada pelanggan

MASTURA PENGUSAHA BATIK LINUT

KHAIRUL IDIN

MAKANAN sagu atau lebih dikenali dengan nama komersial 'linut' merupakan makanan tradisi yang tidak asing lagi bagi penduduk di Sabah, Sarawak mahupun di Labuan yang masih kekal diminati oleh segenap masyarakat.

Ia turut diminati oleh golongan muda yang mahu merasai makanan berasaskan sagu yang mana sering digunakan dalam masakan seperti kuih dan ambuyat.

Namun siapa sangka, makanan tradisi di Borneo itu kini menjadi produk yang digunakan dalam pembuatan batik linut.

Menyedari akan kelebihan itu, seorang pengusaha batik linut, **Mastura Abdul Razak**, 44, tampil mengusahakan batik itu untuk menjadi produk tempatan di pulau ini.

Kata Mastura pada awalnya dia bersama rakan-rakan mempelajari pelbagai bidang kemahiran yang ditawarkan di Lamanita Labuan termasuk kemahiran mencanting batik menggunakan linut sebagai pengganti kepada lilin.

"Kemahiran pembuatan batik linut ini asalnya saya pelajari daripada kelas kemahiran di Lamanita dan apabila sudah mempelajari itu maka terdetik untuk mengusahakannya kerana di Labuan belum mempunyai batik linut itu sendiri.

"Linut ini berasal dari Sarawak dan di sini kita lebih mengenalinya sebagai ambuyat namun ia merupakan satu makanan yang

sama. Di Sarawak batik linut ini sememangnya sudah dikenali kerana ia mula dihasilkan dari sana dan kemudiannya berkembang.

"Kain yang disaluti linut (ambuyat) juga akan menghasilkan latar reka corak dan warna yang eksklusif bagi setiap helai batik kerana ciri-cirinya amat unik dan tersendiri bagi setiap tampalan.

"Keunikan pada batik linut ini adalah linut itu sendiri yang digunakan sebagai pengganti lilin yang mana ia digunakan untuk menghalang air dan pewarna daripada tembus di bahagian kain. Selain itu, batik yang kami hasilkan ini amat terjamin selamat kerana menggunakan bahan makanan," katanya sambil memaklumkan mampu menghasilkan lebih 20 set kain batik linut setiap hari.

Ber cerita lanjut mengenai pemrosesan batik linut, Mastura berkata setiap cetakan reka corak adalah mengikut saiz dan variasi.

"Bagi adunan linut yang digunakan adalah berbeza mengikut corak yang hendak dibuat. Jika corak itu bersaiz kecil kita akan mengadun linut dengan struktur yang lebih cair dan berbeza pula bagi corak yang lebih besar akan menggunakan adunan linut yang lebih pekat.

"Untuk corak pula, kami mengetengahkan corak sendiri yang lebih menekankan konsep flora di Borneo dan corak yang dihasilkan merupakan corak yang

kami hasilkan sendiri.

"Setakat ini kami mempunyai lebih daripada 10 corak yang dihasilkan sendiri berdasarkan kreativiti masing-masing. Dengan corak ini ia memberikan perbezaan kepada corak batik linut di tempat lain dan ia juga menjadi corak ikonik kepada Labuan itu sendiri yang kaya dengan keindahan alam semula jadi," katanya yang dibantu sembilan rakan sambil tidak menang tangan memenuhi tempahan daripada pelanggan.

Beliau yang turut mendapat bimbingan dan menyertai kursus daripada Kraftangan Cawangan Sabah kini berjaya menghasilkan batik linut bagi pasaran Labuan, Semenanjung dan Sabah selain menerima tempahan sebanyak 1,000 helai bagi Borneo Flora

Festival (BFF) 2025 pada Julai ini.

"Untuk masa ini kami menjual bermula dua setengah meter bagi setiap satu set kain batik linut dan kami juga sering menerima tempahan daripada agensi kerajaan dan pelanggan di Semenanjung," katanya yang menjual batik linut bermula dengan harga RM85 sehingga RM500 mengikut jenis kain, warna serta saiz yang ditempah.

Selain kain, beliau turut menghasilkan beberapa kraf tangan lain berasaskan batik linut seperti kipas, beg, kulit buku dan kotak hadiah mengikut permintaan pelanggan.

Mastura berkata dengan penghasilan batik linut beliau mampu meraih pendapatan sampingan lumayan.

"Alhamdulillah, saya amat bersyukur kerana usaha ini mendapat sambutan daripada pelanggan. Selain itu, kita juga dapat mempromosikan produk kraf tangan Labuan.

"Pada masa akan datang kami merancang untuk mempunyai bengkel sendiri kerana ketika ini kami mempunyai kekangan daripada penghasilan batik linut dan tidak berkemampuan untuk memenuhi tempahan yang semakin meningkat," katanya.

info

Kraftangan Batik Linut Labuan
012-814 2044

Fokus bantu kontraktor kecil

PERSATUAN Kontraktor Melayu Malaysia (PKMM) Wilayah Persekutuan memberi fokus kepada isu kebajikan kontraktor, terutamanya mereka dalam kelas G1 yang kini menghadapi masalah kekurangan kerja.

Yang Dipertua PKMM Wilayah Persekutuan, **Datuk Amran Mohamad** berkata ini susulan terdapat lonjakan 30 peratus pendaftaran kontraktor sejak 2023 hingga 2025, terutama dalam kelas G1.

"Ini akibat pembukaan semula pendaftaran selepas 2021, menyebabkan berlaku lambakan kontraktor.

"Sehubungan itu, PKMM Wilayah Persekutuan mencadangkan agar Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menangguhkan sementara pembaharuan lesen baharu bagi kelas G1, bagi mengelak keadaan menjadi lebih parah," jelas beliau.

Terdahulu, PKMM mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan kali ke-43 yang turut menyaksikan pemilihan barisan kepimpinan baharu untuk penggal tiga tahun akan datang.

Amran berkata pemilihan tahun ini

berlangsung tanpa sebarang pertandingan, dengan semua jawatan dimenangi secara automatik.

"Mesyuarat kali ini turut dihadiri seramai 50 perwakilan dari seluruh negara termasuk Yang Dipertua Negeri dan Setiausaha Agung PKMM," katanya.

Mengulas lanjut, beliau turut menggesa agar projek mega bernilai berbilion ringgit dipecahkan kepada skop lebih kecil agar kontraktor G1 hingga G4 turut berpeluang menyertai.

"Contohnya projek RM200 juta, ambil RM100 juta dan pecahkan kepada pakej-pakej kecil. Jangan semua diberi kepada G7 sahaja. Ini supaya kontraktor kecil turut merasa peluang," katanya.

Selain itu, beliau memaklumkan bahawa hasil usaha berterusan PKMM, projek-projek konsesi kini telah mula disalurkan kepada kontraktor kecil sejak tiga tahun lalu.

"Syukur, kini ramai kontraktor kecil dapat merasa hasil daripada projek konsesi yang sebelum ini hanya dikawal oleh syarikat besar," katanya.



AMRAN (tengah) bersama barisan kepimpinan dalam Mesyuarat Agung Tahunan PKMM ke-43.

KETIKA MALAYSIA DI PUNCAK, RAFIZI BERUNDUR

ZULKIFLI SULONG

MALAYSIA berada di puncak pengaruhnya selepas kejayaan menganjurkan Sidang Kemuncak ASEAN 2025, disifatkan antara yang terbaik.

Perkara itu turut diakui Perdana Menteri Singapura, Lawrence Wong yang mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Dalam satu kenyataan yang dikongsikan di media sosial, Wong berkata beliau berkesempatan bertemu Anwar di sela-sela Sidang Kemuncak ASEAN serta menekankan bahawa Malaysia sebagai Pengerusi ASEAN bertenaga dan berkesan. "Saya mengucapkan tahniah kepada beliau atas penganjuran sidang yang berjaya. Malaysia telah menunjukkan kepimpinan yang cemerlang sebagai Pengerusi ASEAN."



RAFIZI ketika hadir Sidang Kemuncak IMT-GT ke-16 bersempena Sidang Kemuncak ASEAN di Kuala Lumpur.

Deklarasi itu, yang diumumkan sempena Sidang Kemuncak ASEAN Ke-46 di Kuala Lumpur, menzahirkan iltizam bersama negara-negara anggota untuk membina ASEAN yang lebih berdaya tahan, inovatif, dinamik dan berpaksi rakyat.

"Di bawah kepimpinan Malaysia selaku Pengerusi ASEAN 2025, kita tampil dengan wawasan yang bukan sahaja menyatukan rantau ini, malah meletakkan ASEAN sebagai pemacu utama perubahan global berlandaskan nilai dan kekuatan serantau," kata Anwar.

Beliau menegaskan bahawa deklarasi ini memberi hala tuju baharu ASEAN pasca 2025 dengan memberi fokus kepada empat tonggak utama, iaitu politik-keselamatan, ekonomi, sosiobudaya dan keterhubungan.

Menurutnya dokumen tersebut menekankan kepentingan pertumbuhan adil dan terangkum serta kesiapsiagaan ASEAN dalam menghadapi cabaran masa depan seperti perubahan iklim, kemajuan teknologi dan tekanan geopolitik global.

"Kita bukan sekadar merancang masa depan ASEAN, tetapi memastikan ia inklusif,

saksama dan mampan untuk semua lapisan masyarakat," katanya.

Sempena sidang kali ini, Perdana Menteri Laos, Sonexay Siphandone mengadakan lawatan ke Ibu Pejabat KTMB, yang bukan sekadar acara protokol.

Ia adalah detik penting yang menandakan penghormatan negara jiran terhadap peranan strategik KTMB dalam menjayakan inisiatif ASEAN Express, satu projek kereta api kargo antarabangsa yang semakin mendapat perhatian dunia.

ASEAN Express yang dilancarkan pada Jun 2024, merupakan hasil kerjasama erat yang melibatkan beberapa pihak termasuk KTMB dan Lao National Railway Enterprise (LNRE).

Perkhidmatan ini menghubungkan empat negara iaitu Malaysia, Thailand, Laos dan China, dan membolehkan kargo dihantar dari Selangor ke Chongqing, China dalam hanya sembilan hari, berbanding 14 hingga 21 hari menerusi laut.

Ini merupakan satu revolusi logistik yang mengubah permainan perdagangan serantau. Bagi Malaysia, manfaat ASEAN Express tidak

sedikit. Pertama, ia menjimatkan kos logistik sehingga 20%, memberi kelebihan besar kepada pengeksport tempatan, terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam sektor pertanian, elektronik dan makanan.

Kedua, perkhidmatan ini membuka akses yang lebih luas kepada pasaran China bagi produk mudah rosak seperti durian segar, sambil mengekalkan kualiti penghantaran.

Ketiga, ASEAN Express menawarkan laluan darat alternatif yang stabil dan bebas daripada ketegangan geopolitik seperti di Laut China Selatan, sekali gus mengukuhkan daya tahan rantaian bekalan negara.

Keempat, ia menyokong agenda kelestarian negara melalui pengurangan pelepasan karbon, menjadikan pengangkutan rel sebagai pilihan yang lebih hijau berbanding udara atau jalan raya.

Tidak kurang penting, ASEAN Express turut memberi impak langsung kepada pembangunan wilayah utara Malaysia.

Integrasi Pelabuhan Darat Perlis dalam jaringan rel ini meletakkan kawasan utara sebagai hab logistik strategik, berpotensi menjana pertumbuhan ekonomi baharu dan mencipta peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan.

ASEAN Express bukan sekadar laluan kargo. Ia adalah simbol kesungguhan Malaysia untuk memimpin integrasi serantau melalui pengangkutan yang cekap dan lestari.

Di sebalik kesemua kejayaan besar ini, Malaysia menerima berita sedih apabila Menteri Ekonomi, Datuk Seri Rafizi Ramli meletakkan jawatannya mulai pertengahan bulan Jun ini.

Rafizi menghantar surat perletakan jawatan sebaik sahaja Sidang Kemuncak ASEAN tamat 28 Mei lepas. Sebelum meletakkan jawatan, beliau satu-satunya menteri yang sempat mengambil gambar kenangan bersama semua pemimpin utama ASEAN yang lain.

Turut meletakkan jawatan adalah Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad. Kita berdoa agar Rafizi dan Nik Nazmi terus berjaya dalam hidup dan perjuangan reformasi terus kekal dalam jiwanya.

SETIAP artikel penulis adalah pendapat peribadi, bukan pendirian Wilayahku.

Ada upacara naikkan Jalur Gemilang

TAHUKAH warga Kuala Lumpur pada minggu pertama setiap bulan, ada upacara menaikkan bendera Jalur Gemilang di Dataran Merdeka? Upacara bulanan ini disempurnakan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Dr Maimunah Mohd Shariff, disertai pegawai kanan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Perkara ini kawan-kawan Kedai Kopi timbulkan kerana mungkin warga kota tidak tahu ada upacara bulanan tersebut. Juga mungkin tidak tahu mereka turut digalakkan untuk bersama-sama hadir memeriahkan upacara itu.

Pihak DBKL juga mengalu-alukan penyertaan pelancong dalam dan luar negara. Memandangkan Dataran Merdeka ialah antara tumpuan utama pelancong di

ibu negara, memang sangat sesuai sekali pelancong berpeluang menyeronokkan upacara signifikan anjuran DBKL itu.

Upacara menaikkan Jalur Gemilang bertujuan mulia, untuk memupuk semangat cinta kepada negara serta memperkukuh semangat jati diri dalam kalangan warga kota. Sebagai warga kota yang hidup dan mencari rezeki di ibu negara, wajar sekali semangat kasihkan ibu kota sentiasa tersemat di hati.

Kerana itu kawan-kawan Kedai Kopi galakkan warga kota untuk meluangkan masa hadir pada upacara berkenaan. Bukan setiap hari atau setiap minggu upacara ini, tetapi hanya sekali dalam sebulan. Boleh sahaja lapangkan masa memeriahkan bersama-sama.



Ke arah Labuan lebih bersih

JAUH di mata dekat di hati. Walaupun Wilayah Persekutuan Labuan jauh dari Kuala Lumpur dan Putrajaya, ia tetap dalam perhatian dan ingatan. Usaha dibuat memastikan pulau tersebut maju dalam arus pembangunan dengan kepentingan penduduk diutamakan.

Kawan-kawan kedai Kopi tertarik dengan langkah proaktif dilakukan pihak berkuasa tempatan dalam memenuhi aspek kebajikan dan kesejahteraan penduduk. Langkah terbaharu diambil ialah memastikan kebersihan dan keindahan pulau tersebut terus terpelihara.

Bagi tujuan itu, Perbadanan Labuan (PL) meningkatkan kecekapan pengurusan pembuangan sampah.

Sejumlah RM3.4 juta diperuntuk membeli lima lori sampah baharu, tiga daripadanya dilengkapi teknologi lebih efisien.

Bagi kawan-kawan Kedai Kopi, ini tindakan proaktif dan tepat memandangkan lori pengangkut sampah sedia ada di Labuan sudah 'tua', melebihi usia 10 tahun. Apabila usia tua, tentu kerap sakit. Ini boleh menjejaskan proses kutipan sampah.

Menurut rekod Jabatan Perkhidmatan Perbandaran PL, antara 100 hingga 150 tan sisa pepejal dikutip sehari di Labuan yang kemudian dilupuskan di Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Pusat Sampah Bukit Kalam. Jumlah sisa yang banyak perlukan kerja pengutipan dan pelupusan sampah yang cekap.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menghadiri forum ASEAN-GCC Economic dalam usaha mengukuhkan hubungan ekonomi antara satu sama lain.



ISTERI Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengiringi isteri-isteri pemimpin ASEAN sempena sesi lawatan ke reruai jualan dan pameran bersempena Sidang Kemuncak ASEAN ke-46, Sidang Kemuncak ASEAN-GCC ke-2, dan Sidang Kemuncak Ekonomi ASEAN-GCC-China yang berlangsung di KLCC.



MENTERI Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin menerima kunjungan hormat sempena persaraan Duta Besar Republik Persekutuan Jerman ke Malaysia, Tuan Yang Terutama Dr Peter-Christof Otto Blomeyer di Wisma Pertahanan.



MENTERI Belia dan Sukan, Hannah Yeoh menyambut ketibaan Pengurus Manchester United, Ruben Amorim sempena perlawanan pasukan gergasi Inggeris dan pasukan Asean All Stars di Stadium Nasional Bukit Jalil.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa menerima kunjungan hormat dari Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amiruddin Shari dan delegasi di Menara Seri Wilayah.



MENTERI Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Abdul Aziz melawat reruai yang diadakan bersempena sidang kemuncak ASEAN Summit bertempat di KLCC.



JANGAN SEBARKAN KANDUNGAN BERBAUR HASUTAN DEMI KEHARMONIAN SESAMA KAUM



LAPORKAN KANDUNGAN SENSITIF BERBAUR 3R
(RELIGION, RACE, ROYALTY) KEPADA KAMI



+6016 220 6262



Suruhanjaya Komunikasi
dan Multimedia Malaysia



MCMC_RASMI



skmm_mcmc



MCMCTV



ZALIHA menyaksikan perasmian perkhidmatan Feri Ekspres Kota Kinabalu-Labuan yang disempurnakan Hajiji di Pelabuhan Kota Kinabalu.



Feri Ekspres KK-Labuan kembali beroperasi

KESALINGHUBUNGAN WILAYAH

KHAIRUL IDIN

PERKHIDMATAN Feri Ekspres Kota Kinabalu-Labuan kembali beroperasi semula selepas tergendala susulan pandemik COVID-19, sekali gus memacu ekonomi merentas dua wilayah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** berkata dalam usaha mengembalikan perkhidmatan itu, pihaknya telah mengadakan pertemuan rasmi bersama Ketua Menteri Sabah, **Datuk Seri Hajiji Noor** pada Februari lalu bagi membincangkan jalan penyelesaian mengenai isu kesalinghubungan antara Labuan dan Sabah.

Katanya sejak perkhidmatan

tersebut terhenti pada 2022 pelbagai urusan harian rakyat terjejas, daripada pelajar yang menuntut ilmu di universiti dan sekolah, pesakit yang ingin mendapatkan rawatan sehingga peniaga kecil dan penjawat awam yang berulang-alik saban minggu.

Jelas beliau kekangan pengangkutan ini memberi kesan langsung kepada kesejahteraan harian ramai pihak dengan masa perjalanan lebih panjang dan akhirnya produktiviti turut terjejas.

"Kita menyaksikan satu sejarah kejayaan kerjasama strategik, antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri yang disusun teliti, digerakkan dengan semangat

kebersamaan demi kesejahteraan rakyat Sabah dan Labuan.

"Hasilnya kita capai kata sepakat untuk menterjemahkan komitmen ini kepada tindakan, dengan penetapan garis masa dan susulan teknikal antara pegawai dari kedua-dua belah pihak.

"Alhamdulillah, feri ekspres ini telah kembali beroperasi semula khususnya dalam tempoh Pesta Kaamatan selain penganjuran Borneo Flora Festival yang akan diadakan pada Julai ini," katanya semasa Majlis Pelancaran Jeti dan Perkhidmatan Feri Kota Kinabalu-Labuan yang disempurnakan Hajiji di Pelabuhan Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Pihaknya turut merakamkan penghargaan kepada pasukan teknikal Kerajaan Negeri Sabah dan agensi Persekutuan atas kerjasama erat sehinggalah pelaksanaan yang begitu teratur.

Dalam perkembangan sama beliau memaklumkan Kerajaan Persekutuan meluluskan peruntukan RM1.3 juta bagi kerja baik pulih dan naik taraf jeti Pelabuhan Kota Kinabalu sebagai prasyarat pemulihan laluan itu.

Katanya langkah itu menjadi tanda komitmen nyata kerajaan dalam memastikan jurang infrastruktur tidak seharusnya menjadi penghalang kepada kelancaran hidup seharian rakyat.

"Jeti di Labuan pula telah tersedia untuk digunakan. Dengan pengoperasian feri ini bakal membawa makna yang besar kerana ia bakal menjadi katalis atau pemangkin kepada rantaian ekonomi, sosial dan pembangunan serantau.

"Ini termasuk mengeratkan lagi jaringan keluarga dan juga urusan-harian masyarakat, rantaian bekalan serta dinamik sosioekonomi setempat.

"Inilah wajah sebenar prinsip MADANI, yang bukan sahaja merangka dasar, tetapi memastikan segala tindakan menyentuh keperluan rakyat terbanyak," katanya.

Pembinaan SMA Labuan siap 2027

PEMBINAAN projek Sekolah Menengah Agama (SMA) Labuan yang dikendalikan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) kini berjalan lancar dengan mencapai hampir 50 peratus siap.

Menurut Pengurus MAIWP Labuan, **Md Fadzli Md Saad**, projek pembinaan sekolah di Sungai Bedaun bernilai RM65 juta itu dijangka siap sepenuhnya menjelang 2027.

Katanya dengan bangunan baharu itu ia bakal menempatkan seramai 600 pelajar dan menyediakan kemudahan asrama.

"Pihak MAIWP sentiasa melaksanakan pemantauan secara lebih dekat bagi memastikan projek tersebut berjalan dengan lancar.

"Walaupun projek ini pada awalnya berdepan beberapa halangan khususnya struktur tanah mendap yang menyebabkan kelewatan namun ia masih berjalan lancar sehingga kini," katanya pada Program Young Stemist Expo (YSE) Sempena 15 Tahun SMA MAIWP Labuan, baru-baru ini.

Pada program itu, Md Fadzli menekankan YSE sebuah platform

yang cukup berprestij dalam memperkasa dan memperluas potensi generasi muda khususnya kepada golongan pelajar dalam bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM).

Katanya penganjuran program itu bukan hanya sekadar satu pertandingan tetapi merupakan medan eksplorasi, inovasi dan pembelajaran abad ke-21.

"Program ini sangat bertepatan dengan hasrat Kementerian Pendidikan untuk melahirkan pelajar yang berdaya cipta, celik teknologi dan bersedia menghadapi cabaran dunia digital yang pesat berubah.

"Pendekatan yang menyeluruh kerana menggabungkan elemen sains, teknologi, kejuruteraan, reka bentuk dan ICT serta memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka secara *hands-on* dan berpasukan.

"Ia selaras dengan matlamat kita untuk melahirkan pelajar yang bukan sahaja tahu, tetapi faham, dan boleh mengaplikasikan pengetahuan mereka dalam situasi sebenar," katanya.



LAKARAN artis mengenai pembinaan Sekolah Menengah Agama Labuan yang dijangka siap pada 2027.

Fiesta Ulang Tahun Wetland Studios

DESTINASI EDUTAINMENT UNIK

SABRINA SABRE

WETLAND Studios Putrajaya menyambut ulang tahun keduanya dengan penuh meriah menerusi pelancaran Fiesta Ulang Tahun Wetland Studios, yang berlangsung bertepatan dengan cuti sekolah penggal pertama.

Sambutan ulang tahun ini memperkukuh lagi peranan Wetland Studios Putrajaya sebagai taman tema pendidikan berimpak tinggi yang menyokong Agenda Pembangunan Mampan 2030 serta memperteguh imej Putrajaya sebagai bandar pintar dan lestari.

Justeru, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif KRU Studios, **Datuk Norman Abdul Halim** berkata pihaknya komited untuk terus memperkasa Wetland Studios sebagai antara tarikan pelancongan utama di Putrajaya.

"Selain itu, KRU Studios turut merancang untuk memperluas pembangunan produk pelancongan baharu ke beberapa lokasi strategik lain di Putrajaya, Kuala Lumpur



NORMAN menyampaikan cenderamata kepada **Azman** sempena ulang tahun ke-2 Wetland Studios Putrajaya.

dan Selangor sebagai sebahagian daripada komitmen jangka panjang dalam sektor pelancongan," katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis

Ulang Tahun Ke-2 Wetland Studios Putrajaya.

Sejak pembukaannya pada 26 Mei 2023, beliau berkata Wetland

Studios Putrajaya telah menerima lebih 350,000 pengunjung, termasuk pelawat antarabangsa dan murid-murid sekolah dari seluruh negara.

"Taman tema tertutup ini dikenali sebagai destinasi *edutainment* yang menggabungkan hiburan dan pendidikan dengan fokus kepada pemuliharaan alam sekitar, perlindungan hidupan liar serta kepentingan air dalam ekosistem.

"Dengan penggunaan teknologi terkini seperti *animatronics*, realiti maya, elemen interaktif dan kecerdasan buatan (AI), Wetland Studios terus mengukuhkan kedudukannya sebagai taman tema unik yang menyampaikan mesej alam sekitar secara kreatif dan menarik," katanya.

Norman berkata Fiesta Ulang Tahun yang diadakan dari 29 Mei hingga 9 Jun ini menampilkan pelbagai aktiviti interaktif dan menyeronokkan untuk seisi keluarga antaranya termasuk persembahan maskot animasi Zan Orangutan dan KiKaKo

Kids, permainan Mixed Reality berteknologi Holobox, Fotografi AI serta Pertandingan Seni Kreatif Wetland Studios edisi kedua.

"Pertandingan tersebut dianjurkan dengan kerjasama Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan terbuka kepada tiga kategori iaitu Pra-Sekolah (4 hingga 6 tahun), Sekolah Rendah Tahap 1 (7 hingga 9 tahun) dan Sekolah Rendah Tahap 2 (10 hingga 12 tahun).

"Ia bertujuan untuk mengasah kreativiti kanak-kanak, menerapkan kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar serta memupuk budaya menabung untuk masa depan pendidikan.

"Pemenang tempat pertama hingga ketiga akan menerima hadiah dalam bentuk simpanan akaun SSPN, tajaan KRU Studios," katanya.

Terdahulu, majlis pelancaran disempurnakan oleh Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, Datuk Azman Abidin.

Cungkil potensi generasi pelapis

SERAMAI 81 pelajar sekolah menengah dari dalam dan luar negara menyertai Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Antarabangsa UNESCO yang julung kali diadakan di Malaysia, dari 20 hingga 22 Mei lalu.

Program berprestij anjuran Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia dan Humid Tropic Centre Kuala Lumpur (HTC) itu telah dirasmikan oleh Presiden PPj, Datuk Fadlun Mak Ujud di Dewan Seri Melati, Putrajaya.

Bertemakan 'Guardians of Water, Leaders of Change' atau Penjaga Air, Peneraju Perubahan, kem tersebut menjadi platform penting dalam membentuk pelajar sebagai pemimpin muda yang peka terhadap isu air dan kelestarian

alam sekitar.

Daripada jumlah peserta, 24 merupakan pelajar antarabangsa melibatkan pelbagai latar belakang budaya, manakala program turut dibantu oleh 18 fasilitator mahasiswa Kelab Ekorelawan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

Sepanjang tiga hari program berlangsung, para peserta mengikuti 15 modul latihan teknikal yang dikendalikan oleh 17 pakar dalam bidang berkaitan, meliputi topik seperti pemuliharaan sumber air, pencegahan pencemaran dan pendekatan penyelesaian lestari.

Menurut Ketua Penolong Pengarah Bahagian Alam Sekitar, Tasik dan Wetland PPj, **Normaliza Noordin**, objektif utama program tersebut adalah untuk melahirkan

generasi muda yang bukan sahaja celik ilmu alam sekitar, tetapi juga bersedia memikul tanggungjawab sebagai ejen perubahan di peringkat komuniti dan global.

"Pelajar hari ini adalah pemimpin masa depan. Pendedahan awal terhadap isu air dan pembangunan mampan adalah penting untuk memacu perubahan yang berimpak.

"Program ini juga memberi peluang kepada pelajar untuk membina jalinan persahabatan antarabangsa, berkongsi pandangan serta mengasah bakat kepimpinan dalam suasana pembelajaran yang inklusif dan dinamik.

"Melalui inisiatif sebegini, Perbadanan Putrajaya dapat memperkukuh lagi peranannya

dalam rangkaian global Tapak Demonstrasi Ekohidrologi UNESCO, selaras dengan aspirasi bandar pintar dan lestari serta sokongan terhadap Agenda Pembangunan Mampan 2030 (SDG)," katanya kepada Wilayahku.

Dalam masa sama, beliau berkata kem ini dilihat sebagai titik tolak penting dalam membentuk generasi muda yang lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar serta mampu memimpin perubahan demi masa depan yang lebih lestari.



PESERTA mendengar ceramah ketika Kem Pemimpin Muda Prihatin Air Antarabangsa UNESCO di Putrajaya.



Kemelut Liga M membimbangkan

HILANG LANDASAN PROFESIONAL

SABRINA SABRE

MASA depan Liga Malaysia (Liga M) kini berada dalam keadaan membimbangkan susulan pengumuman lesen untuk musim 2025 yang menyaksikan hanya 14 pasukan diberi kebenaran beraksi, termasuk kelab luar DPMM FC dari Brunei.

Meskipun jumlah pasukan meningkat berbanding musim lalu, liga tempatan kehilangan dua nama besar iaitu Kedah Darul Aman FC dan Perak FC yang sebelum ini merupakan antara pasukan bersejarah dalam kancah bola sepak negara.

Ketidadaan dua pasukan itu disifatkan sebagai satu kehilangan besar dan kerugian kepada sejarah bola sepak tempatan, berpunca daripada kegagalan mengurus kewangan secara berhemah termasuk isu tunggakan gaji pemain serta pegawai yang mencecah jutaan ringgit.

Pemerhati bola sepak tempatan, **Datuk Dr Pekan Ramli** menyuarakan kebimbangan terhadap kesan jangka panjang yang bakal menimpa pembangunan bola sepak di negeri-negeri terbabit, khususnya melibatkan bakat muda dan struktur akar umbi yang kini kehilangan landasan profesional

untuk berkembang.

"Lebih meresahkan, keputusan drastik Liga Bolasepak Malaysia (MFL) baru-baru ini untuk membenarkan pendaftaran sehingga 15 pemain import bagi setiap pasukan turut mencetuskan kebimbangan dalam kalangan peminat.

"Meskipun hanya tujuh pemain import dibenarkan beraksi di padang dalam satu-satu perlawanan dan dua lagi sebagai simpanan, langkah ini dikhuatiri akan mengakis peluang pemain tempatan untuk menyerlah di peringkat tertinggi.

"Langkah ini juga dijangka melebarkan jurang antara kelab-kelab yang berkemampuan tinggi dan pasukan yang bergelut dari segi kewangan, sekali gus mencetuskan liga yang tidak seimbang dan tidak kompetitif," katanya kepada Wilayahku.

Beliau berpendapat pendekatan badan induk bola sepak negara yang terlalu menekankan aspek komersial serta prestasi kelab di peringkat Asia, dilihat mengabaikan tanggungjawab memperkukuh ekosistem bola sepak tempatan yang semakin tidak sihat.

"Komuniti penyokong bola

sepak tempatan juga seolah-olah diketepikan, meskipun merekalah tulang belakang kepada sokongan di stadium.

"Kurangnya perhatian kepada pembangunan bakat muda serta tiadanya pelan jangka panjang yang berstruktur menimbulkan kebimbangan terhadap kelestarian liga tempatan," katanya.

Tambah beliau kegagalan berterusan dalam aspek pengurusan kewangan, selain kelemahan dalam sistem penajaan dana dan perbelanjaan berhemah, turut menjadi faktor utama yang menjerumuskan banyak kelab ke dalam krisis.

"Hanya segelintir pasukan yang dilihat mampu bertahan dengan sistem pengurusan profesional, manakala selebihnya masih beroperasi secara 'kais pagi makan pagi'.

"Sekiranya tiada langkah pembaikan segera dilakukan termasuk bimbingan, kursus pengurusan kewangan kelab dan penstrukturan semula sistem liga, tidak mustahil lebih banyak pasukan ternama akan menarik diri pada musim-musim mendatang akibat kemelut hutang yang berpanjangan.

"Situasi ini sekali gus menuntut tindakan tegas dan segera daripada semua pihak berkepentingan bagi menyelamatkan maruah dan masa depan bola sepak Malaysia," katanya. 



PEMBANGUNAN sukan bola sepak tempatan perlu diperkukuh termasuk dalam aspek pengurusan kewangan dan bakat muda.

Suntik harapan baharu ke Olimpik LA28



WEI CHONG-KAI WUN yang menduduki ranking kelapan dunia mempamerkan aksi bertenaga dan konsisten untuk mencatat kemenangan 21-12, 15-21, 21-16.

KEJAYAAN cemerlang beregu lelaki negara di Kejohanan Badminton Masters Malaysia 2025 baru-baru ini menyuntik harapan baharu buat sukan badminton negara menjelang Sukan Olimpik Los Angeles 2028 (LA28).

Menteri Belia dan Sukan, **Hannah Yeoh** menyifatkan kemenangan itu sebagai detik membanggakan dan berharap momentum kecemerlangan tersebut dapat diteruskan menerusi sokongan padu daripada Program Road to Gold (RTG).

"Ia merupakan hari yang membanggakan untuk sukan badminton Malaysia. Prestasi beregu lelaki negara semakin memberangsangkan dan saya yakin dengan adanya jurulatih baharu serta sokongan RTG, kita mampu mengukuhkan lagi pencapaian mereka.

"Harapan saya, apabila kita ke Sukan Olimpik di Los Angeles nanti, kedua-dua beregu lelaki negara dapat mara ke perlawanan akhir. Kita mahu menang emas, perak pun kita terima," katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Video Kesedaran Belia Bebas Dadah.

Pada aksi final di Axiata Arena Ahad lalu, gandingan muda, Man Wei Chong-Tee Kai Wun mencipta kejutan apabila

menewaskan pasangan senior, Aaron Chia-Soh Wooi Yik dengan keputusan 21-12, 15-21, 21-16.

Mengulas lanjut, Hannah turut menzahirkan rasa bangga dengan prestasi konsisten pasangan Nur Izzuddin Rumsani-Goh Sze Fei yang kini bergelar beregu nombor satu dunia.

Beliau dalam masa sama turut menyeru pemain badminton negara agar terus kekal di bawah naungan Persatuan Badminton Malaysia (BAM) demi menjamin sokongan menyeluruh daripada kerajaan.

"Kelebihan berada dalam BAM ialah adanya rakan sepelatih yang baik dan sistem yang tersusun. Kalau mereka bergerak sendiri secara profesional, ketiadaan rakan latihan boleh menjejaskan prestasi.

"Saya harap Presiden BAM, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dapat meneliti ekosistem latihan yang terbaik demi memastikan kemajuan berterusan pemain," katanya.

Program RTG merupakan inisiatif nasional bagi menyediakan sokongan menyeluruh kepada atlet elit dalam usaha membawa pulang pingat emas pertama negara di pentas Olimpik. 

FOKUS BANTU RAKYAT PALESTIN

DEEL ANJER

PENYANYI dan komposer, **Hafiz Hamidun**, 41, berharap semua pihak dapat terus berdoa demi keselamatan dan kesejahteraan penduduk Palestin khususnya mereka yang berdepan kezaliman zionis di Gaza.

Untuk itu katanya seperkara lain yang penting adalah fokus kepada bantuan berterusan bagi meringankan beban rakyat Palestin.

“Saya tak nak sentuh isu keganasan yang dilakukan pihak Israel terhadap bumi Gaza kerana lebih baik kita fokus kepada orang yang kita nak bantu. Saya faham tanggungjawab dan pendirian kita di mana membabitkan isu kemanusiaan ini tapi kita perlu bijak menggunakan medium media sosial.

“Kalau anda tengok media sosial saya ‘clean’ (bersih) sahaja. Bukannya saya tak nak lebih-lebih

tapi lebih baik kita fokus bantuan untuk membantu rakyat Palestin di bumi Gaza.

“Kita jangan sentuh isu keganasan di media sosial untuk mengelak daripada kena sekat dan sebagainya kerana media sosial juga adalah tempat kita nak cari makan,” katanya.

Dalam masa yang sama, Hafiz berharap perjuangan isu Palestin ini tidak terhenti, begitu juga artis nasyid yang memperjuangkan Palestin dengan menyentuh isu itu dalam lagu mereka.

“Saya mula menyanyi sejak usia 18 tahun dan kini sudah 23 tahun berkecimpung dalam bidang nyanyian.

“Jadi dalam tempoh itu, saya juga melihat isu kemanusiaan membabitkan rakyat Palestin dan bumi Gaza ini sudah diperjuangkan oleh artis nasyid sejak dulu.

“Contohnya lagu dendangan

kumpulan NowSeeHeart berjudul Damai Yang Hilang juga sudah 20 tahun dinyanyikan dan bekas anggota kumpulan itu, Mujahid Abd Wahab pun sudah meninggal dunia,” katanya.

Menurut Hafiz tidak timbul soal artis nasyid kurang bersuara dalam isu Palestin kerana perjuangan telah dilakukan sejak dahulu lagi.

“Bukannya kita tidak mahu bersuara tapi kita memang sentiasa lakukan dan kita nak orang lain pun sama kerana platform itu terbuka kepada sesiapa sahaja.

“Janganlah hangat-hangat tahi ayam. Kita juga tak nak bercakap mengenai isu boikot (produk Israel) sebab kita sudah berjuang isu kemanusiaan ini sudah berpuluh tahun lamanya,” katanya. **17**

HAFIZ menegaskan isu perjuangan terhadap Palestin sudah sekian lama dilaungkan oleh artis nasyid.



Nas T risau penerimaan peminat

KERISAUAN teraju utama filem Keluang Man, **Nas T** terhadap penerimaan penonton lenyap sebaik sahaja melihat mereka terhibur, ketawa dan bertepuk tangan selepas tayangan perdana filem adiwira itu baru-baru ini.

Tekanan akibat pertikaian daripada peminat tegar siri animasi yang cukup terkenal di era 90-an setelah menonton trailer filem arahan Anwari Ashraf itu menyebabkan Nas T mengalami kegelisahan hingga tidur malamnya terganggu beberapa hari sebelum majlis tayangan perdana berlangsung.

“Apabila peminat tegar siri Keluang Man cakap mereka tidak suka setelah menonton trailer filem itu, saya terasa macam terbeban pula. Tapi pada masa sama saya cuba bersikap optimis dan percaya dengan pasukan produksi termasuk skrip ditulis Anwari.

“Kami bukan nak merosakkan hasil karya asal Keluang Man tetapi ini adalah penjenamaan semula dengan teknologi dan kemahiran baru.

“Saya faham Keluang Man ada ‘fanbase’ besar, jadi sudah tentu peminat ada jangkaan sendiri dan mengharapkan filem ini mempunyai persamaan dengan siri animasi. Bila mereka tonton trailer dan tengok jalan cerita termasuk watak Borhan ada perubahan, tentulah mereka tak puas hati.

“Tapi malam ini, bila saya melihat mereka bertepuk tangan dan terhibur, hati saya jadi sangat lega. Saya memang



mengharapkan sangat penonton suka selepas mereka tonton filem itu dan alhamdulillah apa yang saya inginkan tercapai,” katanya.

Menurut Nas T, dia bersyukur dapat bekerjasama dengan mereka yang bukan saja bagus tetapi juga berbakat besar.

Katanya tidak apa yang perlu dipertikaikan, sebaliknya dia sentiasa mempercayai air tangan mereka.

Sementara itu, pengarah filem itu ternyata berjaya memperlihatkan sisi berbeza Nas T. Sebelum ini dia sering diberikan watak-watak serius seperti dalam filem Air Force The Movie: Selagi

Bernyawa, Kami The Movie serta banyak lagi, tetapi menerusi Keluang Man, Nas T berjaya membawakan watak gila-gila dengan baik sekali, berbeza dengan karakternya sebelum ini.

Walau bagaimanapun jelas Nas T itu adalah karakter sebenarnya di rumah yang mungkin tidak diketahui ramai.

Bapa kepada tiga cahaya mata itu memberitahu dia memang seorang yang suka berlawak dan mengusik keluarganya.

Elemen itu katanya yang dibawa ke set bagi menghayati watak Borhan. Selain itu juga kata Nas T pengalaman melihat orang terdekat mengalami masalah kesihatan

mental turut dijadikan panduan di dalam membawakan watak Borhan.

“Saya pernah membesar dengan orang terdekat yang mengalami masalah kesihatan mental, jadi berdasarkan pengalaman itu saya gunakan untuk menghayati watak Borhan. Apa yang saya boleh ingat tentang mereka, saya bawa dalam karakter itu.

“Namun semuanya atas arahan dan dorongan pengarah juga. Rujukan saya adalah daripada mereka yang mempunyai masalah seperti scizophrenia, depresi dan insomnia. Saya ambil semua itu dan letakkan pada watak Borhan, mana yang boleh diletakkan saya letak tapi kena dapat persetujuan pengarah,” katanya.

Filem yang menelan kos RM13 juta itu mula menjengah panggung wayang sejak 29 Mei dan ditayangkan di 154 pawagam seluruh negara.

Keluang Man turut dibintangi Datuk Remy Ishak (Shamsir); Anwaar Beg Moghal (Inspektor Sahab); Datuk Rosyam Nor (Ahmad) dan Shweta Sekhon (Doktor Malini).

Keluang Man mengisahkan Borhan, iaitu pesakit di Hospital Tampoi yang sering melarikan diri setiap malam.

Dalam usahanya melawan trauma silam dan penyakit Dissciative Schizophrenia, dia tanpa sengaja mencipta alter ego, iaitu Keluang Man. Dengan identiti baharu itu, Borhan menjadi simbol keadilan yang bersifat tempatan iaitu kelakar, spontan dan penuh semangat rakyat. **17**



**HILANG
LANDASAN
PROFESIONAL**

▶▶ 22

**FOKUS BANTU
RAKYAT PALESTIN** ▶▶ 23



Punca keruntuhan sesebuah negara

RASULULLAH MELAKNAT PERASUAH

DEEL ANJER

ISU rasuah bukanlah perkara asing dalam pengetahuan kita semua kerana sering 'dihidangkan' dengan berita berkaitan amalan mazmumah itu.

Rasuah boleh disifatkan sebagai masalah sejagat yang tidak pernah berkesudahan, terutama apabila membabitkan pemimpin atau dalam kalangan pucuk pimpinan negara atau kerajaan.

Ini kerana sesebuah negara akan runtuh dan musnah jika segenap lapisan masyarakat hidup tidak berintegriti dan terbabit dalam salah guna kuasa serta jenayah rasuah.

Justeru, Islam mengharamkan jenayah rasuah dan cara hidup tidak berintegriti.

Pendakwah bebas, **Shahrin Abd Rahman** yang juga pengarah media sosial berkata amalan rasuah amat ditegah dan ditolak sekeras-kerasnya dalam Islam.

"Rasulullah SAW sangat tegas menolak amalan rasuah. Dalam sebuah hadis yang sahih, baginda memberi amaran keras kepada pemberi, penerima dan juga perantara rasuah.

"Rasulullah SAW melaknat orang yang memberi rasuah, orang yang menerima rasuah dan orang tengah antara keduanya," katanya merujuk Hadis riwayat Abu Dawud.

Menurut Ustaz Shahrin yang juga dikenali sebagai Ustaz Healing, Rasulullah SAW sendiri pernah

berdepan dengan isu rasuah pada zaman baginda.

"Tiga jenis perkara dilaknat seperti hadis di atas yang mana menunjukkan betapa seriusnya dosa ini di sisi Islam. Rasulullah SAW juga pernah menghadapi isu pecah amanah yang mengandungi unsur rasuah dalam bentuk hadiah kepada penjawat awam.

"Diriwayatkan bahawa seorang petugas zakat (amil), setelah pulang dari bertugas, berkata 'ini untuk kamu (kerajaan), dan ini hadiah yang diberi kepada aku (peribadi)'. Maka Rasulullah SAW naik ke atas mimbar dan bersabda dengan marah.

"Kenapa dia tidak duduk sahaja di rumah ayah atau ibunya dan lihat, adakah orang akan beri hadiah kepadanya atau tidak?" (Hadis riwayat al-Bukhari & Muslim).

"B a g i n d a menyempadankan hadiah sebagai bentuk rasuah apabila dia diberi atas kapasiti jawatan dan sangat keras dalam menyanggahnya," jelasnya.

Ditanya tentang ketegasan China yang serius dalam menangani isu rasuah, Ustaz Shahrin berpendapat apa yang dilaksanakan berjaya membawa negara itu ke arah yang lebih maju.

"Jika kita melihat dari sudut pandangan Islam tentang hukuman berat terhadap perasuah, rasuah ini termasuk dalam kategori

'pengkhianatan terhadap amanah' dan pengambilan harta secara batil," katanya.

Untuk itu katanya, rasuah adalah punca besar kepada kezaliman, ketidakadilan dan keruntuhan sesebuah negara.

"Namun dari segi hukuman, Al-Quran tidak menetapkan hukuman spesifik seperti hudud, tetapi memberi ruang kepada ta'zir iaitu hukuman yang ditetapkan oleh pemerintah berdasarkan maslahat semasa.

"Contoh hukuman ta'zir terhadap rasuah adalah penjara, denda besar, sebat, lucut jawatan, pengisytiharan umum (nama dan perbuatan).

"Jika kita lihat misalnya negara China terkenal dengan hukuman sangat keras terhadap rasuah, termasuk hukuman mati.

"Hasilnya terbukti apabila dalam pemerintahannya wujud tadbir urus yang lebih bersih, pembangunan sangat pesat dan berjaya dalam menarik para pelabur luar yang yakin dengan mereka," katanya.

Pada masa yang sama katanya dalam Islam hukuman keras terhadap perasuah perlu dilaksanakan demi menjaga kesucian agama dan keamanan negara.

"Dari sudut maqasid syariah, iaitu menjaga harta, keadilan dan sistem negara, hukuman keras terhadap perasuah adalah bertepatan dengan roh Islam, selagi tidak bercanggah dengan prinsip syariah (seperti tidak berlaku zalim, ada bukti jelas, tiada penganiayaan).

"Justeru, jika negara Islam hari ini

HUKUMAN berat terhadap perasuah sangat dituntut demi menegakkan amanah dan mencegah kemusnahan.



melaksanakan hukuman berat dan terbuka terhadap perasuah, bahkan mengisytiharkan nama mereka secara umum, ia sangat dituntut demi menegakkan amanah dan mencegah kemusnahan," katanya.

Ustaz Shahrin juga menjelaskan hukuman tegas sebagaimana yang dilakukan negara China.

"Daripada apa yang telah saya sampaikan, apa yang dapat disimpulkan, ini terbukti bahawa rasuah adalah dosa besar dan termasuk dalam kategori laknat.

"Rasulullah SAW sangat tegas menangani perasuah dan menyedarkan rakyat dengan

amaran keras.

"Hukuman keras termasuk yang diamalkan negara seperti China boleh diselaraskan dengan prinsip ta'zir dalam Islam untuk mencapai keadilan dan pembangunan.

"Negara Islam tidak boleh lembut terhadap perasuah, kerana ia melumpuhkan ekonomi dan menindas rakyat marhaen," katanya.

Beliau meminta semua pihak menghayati firman Allah SWT dalam surah Asy-Syams: *"Sungguh beruntunglah orang yang menyucikan jiwanya. Dan sungguh rugilah orang yang mengotorinya (dengan rasuah dan pengkhianatan)".* 17



SERTAI SALURAN TELEGRAM
t.me/wilayahku
UNTUK INFORMASI TERKINI!



IMBAS KOD QR

